
FADHILAT MEMANAH DAN BERKUDA



USTAZ SUFYAN NOOR



وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وسلم

والحمد للهِ ربِ العالمين

Fadhilat Memanah dan Berkuda

Islam 1. Ḥadiś. 2. Memanah dan Berkuda

Penerbit:

Susun atur huruf:
Bahasa Arab: Adobe Naskh Medium, 16
Bahasa Melayu: Times New Roman, 12.
Saiz Buku: A5

Dicetak di Malaysia oleh:

Diedarkan di Malaysia oleh:

Isi Kandungan

MUQADDIMAH PENERBIT



Segala puji bagi Allah ﷻ, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad ﷺ, penghulu sekalian anbiya عليهم السلام. Alhamdulillah, terlebih dahulu kami ingin panjatkan kesyukuran kepada Allah ﷻ kerana dengan limpah kurniaan-Nya Kitab Fadilat Memanah dan Berkuda ini dapat diterbitkan pada masanya walaupun dalam keterbatasan waktu yang ada.

Mutakhir ini semakin ramai masyarakat mula mendekati dan melibatkan diri dalam aktiviti sunnah memanah dan berkuda. Tanpa mengenal pangkat, bangsa dan usia, fenomena ini semakin jelas kelihatan. Atas kesedaran itulah, maka kitab ini dihasilkan bagi memberi maklumat kepada masyarakat akan kepentingan sunnah ini dan untuk menerangkan kepada masyrakat bahawa aktiviti memanah dan berkuda sebenarnya bukan sekadar aktiviti riadah yang biasa sebaliknya ia merupakan satu amalan yang bernilai di sisi Allah ﷻ. Kitab yang dihasilkan oleh Fadilat us-Syaikh Sufian Nur al-Banjari al-Makki ini merupakan himpunan petikan daripada al-Quran dan hadis-hadis yang melibatkan riadah memanah dan berkuda. Kitab ini dibahagikan kepada 3 bab utama iaitu Bab 1: Fadhilat Memanah; Bab 2: Fadilat Memelihara Kuda dan Berkuda; Bab

3: Berkenaan Beberapa Masalah Agama dan Hukum Syariat Yang Berkaitan Dengan Kuda

Fadilatul Syaikh merupakan seorang ulama kelahiran Banjarmasin, Kalimantan Selatan, Indonesia. Seawal usia 5 tahun, beliau telah mula menghafal al-Quran di Masjid il-Haram. Sewaktu umur 11 tahun, beliau telah memulakan pengajian di Madrasah as-Saulatiyyah al-Hindiyyah sehingga ke peringkat Aliyyah. Antara guru beliau di sana ialah Syaikh Ismail Usman al-Zain al-Yamani. Selain pernah berkhidmat selama 3 tahun kepada Musnid ad-Dunya al 'Allamah Syaikh Muhammad Yasin bin Isa al-Fadani, beliau pernah mendapat pendidikan di Pakistan, Mesir serta Yaman di bawah didikan al-'Allamah al-Habib Umar bin Muhammad bin Salim bin Hafiz. Selain itu, beliau pernah berkhidmat sebagai tenaga pengajar bagi asatizah di Pondok Pesantren al-Fatah, Temboro selama 2 tahun. Pada masa sekarang selain giat dalam memperkenalkan sunnah memanah dan berkuda di Indonesia dan Malaysia beliau turut mengendalikan 15 pesantren di seluruh Indonesia.

Alhamdulillah pihak Ar Rouha Publications telah diberi amanah oleh Fadilatul Syaikh untuk menerbitkan kitab ini. Dan kami telah berusaha sebaik mungkin agar amanah ini dapat terlaksana. Pihak kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada Fadilatul Syaikh atas kepercayaan ini. Tidak lupa juga kepada Ustaz Abdullah al-Marbuqi dan Ustaz Muhammad Razif bin Abdul Wahab yang sama-sama berusaha agar kitab ini dapat diterbitkan sesempurnanya. Juga kepada semua ahli keluarga dan sahabat-sahabat yang banyak memberi dorongan dan sokongan secara langsung atau tidak langsung kepada kami.

Semoga Allah ﷻ membalas segala jasa mereka dan memberi kebaikan dan rahmat yang berkekalan di dunia dan di akhirat.

Akhir kata, kami ingin memohon maaf jika ada sebarang kekurangan pada kitab ini. Dan pihak kami mengalu-alukan sebarang penambah baikan bagi kitab ini. Semoga dengan kehadiran kitab ini sedikit sebanyak dapat menyemarakkan lagi semangat setiap ahli masyarakat dalam memartabatkan sunnah yang mulia ini.

Wassalam.

Penerbit
Arrouha Publications
Mac 2015

فضيلة الرمي
FAḌILAT MEMANAH

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيد الأنبياء والمرسلين نبينا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم، أما بعد: فهذا كتيب حوى آيات قرآنية وأحاديث نبوية عن فضل الرمي والفروسية أفردته من تفسير الإمام الحافظ جلال الدين السيوطي الموسوم بالدر المنثور في التأويل بالمأثور وعليه زيادات وتعليقات يسيرة ورقمته وقسمته إلى ثلاثة أبواب: الأول: في فضل الرمي، والثاني: في فضل رباط الخيل والفروسية والثالث: في بعض مسائل وأحكام شرعية تتعلق بالخيل، والله أستعينه وأستمده وأسأله الإخلاص فيه ويجعله ذخرا لي يوم لقائه وأن يتمم علي النعمة في قبوله وتعميم النفع به الخاصة والعامة إنه ولي ذلك والقادر عليه بمنه ولطفه وجوده وإحسانه وهذا أوان الشروع في المقصود.

Segala puji bagi Allah Rabb sekalian alam, Salawat dan Salam ke atas penghulu para nabi dan para rasul nabi kita Nabi Muhammad ﷺ, dan juga ke atas keluarga dan sahabat Baginda sekalian. Tiada daya untuk menghindari daripada segala kemungkaran dan tiada upaya untuk melakukan segala kebaikan

melainkan dengan pertolongan Allah ﷻ Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung. Amma ba'd,

Ini ialah sebuah kitab kecil yang mengandungi ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi ﷺ berkenaan fadilat memanah dan berkuda. Daku telah ambil dan asingkan isi kandungan kitab ini daripada kitab asalnya Tafsir Imam Hafiz Jalal ud-Din as-Suyuti yang bernama Tafsir ad-Durr ul-Mansur fi at-Ta'wil bil-Ma'sur bersama beberapa tambahan dan nota ringkas. Daku juga telah meletakkan nombor pada hadis-hadisnya dan daku telah bahagikan kitab ini kepada tiga bab.

Bab Pertama : Fadilat Memanah

Bab Kedua : Fadilat Memelihara Kuda dan Berkuda

Bab Ketiga : Berkenaan Beberapa Masalah Agama dan Hukum Syariat Yang Berkaitan Dengan Kuda.

Hanya kepada Allah daku meminta pertolongan dan bantuan, dan daku memohon keikhlasan dalam penulisan ini dan agar Dia menjadikan kitab ini sebagai simpanan bagiku pada hari pertemuanku dengan-Nya dan agar Dia menyempurnakan nikmat-Nya ke atasku dengan menerima kitab ini dan menyebar luaskan manfaatnya kepada mereka yang khusus dan orang awam. Sesungguhnya Dialah tempat bersandar bagi yang demikian itu dan berkuasa melakukannya dengan limpahan, kelembutan, kemurahan dan ihsan-Nya. Sekarang adalah waktu untuk memulakan maksud penulisan ini.

(Ustaz) Sufyan Noor
Januari 2015
Sri Petaling, Malaysia

الباب الأول في فضل الرمي
BAB PERTAMA
Kelebihan Memanah

قال الجلال السيوطي في تفسيره (٤ : ٤٧١) قال الله تعالى:

وَأَعِدُّواْ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ ٱلْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِۦ عَدُوَّ ٱللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخَرِينَ مِن دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ ٱللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنفِقُواْ مِن شَىْءٍ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنتُمْ لَا تُظْلَمُونَ

(٦٠) سورة الأنفال

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Dinukilkan daripada Kitab Ad-Durr ul-Manśur fit-Ta'wil bil-Ma'śur karangan Imam As-Suyuṭi ﷺ (4: 471).
Allah ﷻ berfirman,
"***Dan hendaklah kalian persiapkan kekuatan (yakni memanah) untuk (melawan) mereka (musuh-musuh Islam) apa yang kalian mampu daripada kekuatan serta berupa pemeliharaan kuda. Dengannya kalian dapat menakuti musuh Allah dan musuh kalian serta musuh-musuh lainnya selain mereka, tidaklah kalian mengetahui mereka, namun Allahlah yang mengetahui mereka. Dan tidaklah kalian menginfakkan sesuatu di jalan Allah, melainkan pasti akan digantikan (balasannya) kepada kalian, dan kalian tidak akan dizalimi.***"
(al-Anfal: 60)

١. أَخْرَجَ أَحْمَدُ (٤: ١٥٦، رقم ١٧٤٦٨) وَمُسْلِمٌ (٣: ١٥٢٢، رقم ١٩١٧) وَأَبُو دَاوُدَ (٣: ١٣، رقم ٢٥١٤) وَابْنُ مَاجَةَ (٢: ٩٤٠، رقم ٢٨١٣) وَالتِّرْمِذِيُّ (٥: ٢٧٠، رقم ٣٠٨٣)[1] وَابْنُ جَرِيرٍ وَابْنُ الْمُنْذِرِ وَابْنُ أَبِي حَاتِمٍ وَأَبُو الشَّيْخِ وَابْنُ مَرْدَوَيْهِ وَأَبُو يَعْقُوبَ إِسْحٰقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ الْقَرَّابُ فِي كِتَابِ فَضْلِ الرَّمْيِ وَالْبَيْهَقِيُّ فِي شُعَبِ الْإِيمَانِ عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ الْجُهَنِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ وَهُوَ عَلَى الْمِنْبَرِ ﴿وَأَعِدُّوا۟ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ﴾، **أَلَا إِنَّ الْقُوَّةَ الرَّمْيُ أَلَا إِنَّ الْقُوَّةَ الرَّمْيُ قَالَهَا ثَلَاثًا.**

Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Muslim, Abu Daud, Ibnu Majah, At-Tirmiżi, (dicantumkan) dalam kitab ‘al-Jami‘ al-Kabir” karangan Imam as-Suyuṭi ﷺ, serta diriwayatkan oleh Ibnu Jarir, Ibnul Mundzir, Ibnu Abi Hatim, Abus Syaikh, Ibnu Mardawaih, Abu Ya‘qub Ishaq bin Ibrahim al-Qarrab dalam kitab ‘Faḍl ar-Ramyi‘ (Kelebihan Memanah), dan oleh al-Baihaqi dalam ‘Syu‘ab ul-Iman’, Diriwayatkan daripada Sayyidina ‘Uqbah bin ‘Aamir al-Juhani ﷺ beliau berkata, “Aku pernah mendengar Nabi ﷺ bersabda di atas mimbar, ***“Dan hendaklah kalian persiapkan untuk (melawan) mereka (musuh-musuh Islam) apa yang kalian mampu daripada kekuatan.*** **Ketahuilah sesungguhnya kekuatan adalah memanah. Ketahuilah sesungguhnya kekuatan adalah memanah.” Baginda mengulanginya sebanyak tiga kali.”**

---

[1] كما في الجامع الكبير للسيوطي (١: ٤٩٤٨).

٢. وَأَخْرَجَ ابْنُ الْمُنْذِرِ عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ الْجُهَنِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ: «﴿وَأَعِدُّواْ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ ٱلْخَيْلِ﴾ أَلاَ إِنَّ الْقُوَّةَ الرَّمْيُ ثَلاَثاً، إِنَّ الأَرْضَ سَتُفْتَحُ عَلَيْكُمْ، وَتُكْفَوْنَ الْمَؤُنَةَ فَلاَ يَعْجَزَنَّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَلْهُوَ بِأَسْهُمِهِ.»[٢]

Diriwayatkan oleh Ibnul Munżir daripada Sayyidina ʿUqbah bin ʿAamir al-Juhani ﷺ, "Aku pernah mendengar Nabi ﷺ bersabda, **"Dan hendaklah kamu sekalian bersiap untuk (melawan) mereka (musuh-musuh Islam) apa yang kamu mampu dalam bentuk kekuatan dan pemeliharaan kuda. Ketahuilah sesungguhnya kekuatan adalah memanah."** (Baginda katakan sebanyak) tiga kali. **"Sesungguhnya penguasaan bumi akan diberikan kepada kamu, dan rezeki kamu akan dipenuhi oleh itu janganlah sekali-kali kamu semua berasa lemah untuk bermain (berlatih) dengan panah-panahnya."**

٣. وَأَخْرَجَ الْبَيْهَقِيُّ عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ تَلاَ هَذِهِ الآيَةَ ﴿وَأَعِدُّواْ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ﴾ قَالَ: أَلاَ إِنَّ الْقُوَّةَ الرَّمْيُ.

Imam al-Baihaqi meriwayatkan daripada Sayyidina ʿUqbah bin ʿAamir ﷺ bahawa beliau pernah membaca ayat ini, ***"Dan hendaklah kalian persiapkan untuk (melawan) mereka***

[٢] روى الطبراني في المعجم الكبير (١١: ٤٣٠، رقم ١٣٥٥٦) الشطر الأخير من قوله **إِنَّ الأَرْضَ سَتُفْتَحُ** .. الحديث وقال الهيثمي (٥: ٢٦٨) رواه الطبراني عن شيخه بكر بن سهل ، قال الذهبي مقارب الحديث ، وقال النسائي: ضعيف وفيه ابن لهيعة أيضًا . الجامع الكبير للسيوطي (١: ٦٢١٢) .

(musuh-musuh Islam) apa yang kalian mampu daripada kekuatan," beliau berkata, "Ketahuilah bahawa kekuatan adalah memanah."

٤. وَأَخْرَجَ ابْنُ الْمُنْذِرِ عَنْ مَكْحُوْلٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: مَا بَيْنَ الْهَدَفَيْنِ رَوْضَةٌ مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ، فَتَعَلَّمُوْا الرَّمْيَ فَإِنِّي سَمِعْتُ اللهَ تَعَالَى يَقُوْلُ ﴿وَأَعِدُّواْ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ﴾ قَالَ: فَالرَّمْيُ مِنَ الْقُوَّةِ .

Diriwayatkan oleh Ibnul Munżir daripada Makhul ﷺ beliau berkata, "Di antara dua sasaran panah adalah taman daripada taman-taman syurga. Maka belajarlah memanah sebab sesungguhnya aku mendengar Allah ﷻ berfirman, ***"Dan hendaklah kalian persiapkan untuk (melawan) mereka (musuh-musuh Islam) apa yang kalian mampu daripada kekuatan,"*** lalu beliau berkata, "Maka memanah adalah bahagian daripada kekuatan."

٥. وَأَخْرَجَ أَبُو الشَّيْخِ وَابْنُ مَرْدَوَيْهِ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا فِي قَوْلِهِ: ﴿وَأَعِدُّواْ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ﴾ قَالَ: اَلرَّمْيِ وَالسُّيُوْفِ وَالسِّلَاحِ.

Diriwayatkan oleh Abus Syaikh dan Ibnu Mardawaih daripada Sayyidina Ibnu Abbas ﷺ mengenai firman Allah ﷻ, ***"Dan hendaklah kalian persiapkan untuk (melawan) mereka (musuh-musuh Islam) apa yang kalian mampu daripada kekuatan,"*** beliau berkata, "(Kekuatan yang dimaksud adalah) memanah, latihan berpedang, dan latihan menggunakan senjata."

٦. وَأَخْرَجَ ابْنُ إِسْحَق وَابْنُ أَبِي حَاتِمٍ عَنْ عَبَّادِ بْنِ عَبْدِ اللهِ بْنِ الزُّبَيْرِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فِي قَوْلِهِ: ﴿وَأَعِدُّواْ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ﴾ قَالَ: أَمَرَهُمْ بِإِعْدَادِ الْخَيْلِ.

Diriwayatkan oleh Ibnu Ishaq dan Ibnu Abi Hatim daripada ʻAbbad bin Abdillah bin Zubair ﷺ mengenai firman Allah ﷻ, ***"Dan hendaklah kalian persiapkan untuk (melawan) mereka (musuh-musuh Islam) apa yang kalian mampu daripada kekuatan,"*** beliau mengatakan, "Allah ﷻ memerintahkan mereka (kaum muslimin) untuk mempersiapkan kuda."

٧. وَأَخْرَجَ أَبُو الشَّيْخِ وَالْبَيْهَقِيُّ فِي شُعَبِ الْإِيمَانِ عَنْ عِكْرِمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فِي قَوْلِهِ وَأَعِدُّواْ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ ٱلْخَيْلِ قَالَ: اَلْقُوَّةُ ذُكُورُ الْخَيْلِ وَالرِّبَاطُ الْإِنَاثُ.

Abus Syaikh dan al-Baihaqi dalam "Syuʻab ul-Iman" meriwayatkan daripada Ikrimah ﷺ mengenai firman Allah ﷻ, "***Dan hendaklah kalian persiapkan untuk (melawan) mereka (musuh-musuh Islam) apa yang kalian mampu daripada kekuatan dan pemeliharaan kuda***" beliau mengatakan: "Quwwah (kekuatan) maksudnya kuda-kuda jantan, sedangkan Ribaṭ (benteng) maksudnya kuda-kuda betina."

٨. وَأَخْرَجَ ابْنُ أَبِي حَاتِمٍ عَنْ مُجَاهِدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فِي قَوْلِهِ: ﴿وَأَعِدُّواْ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ﴾ قال: اَلْقُوَّةُ ذُكُورُ الْخَيْلِ وَرِبَاطُ الْخَيْلِ الْإِنَاثُ.

Ibnu Abi Hatim meriwayatkan daripada Mujahid ﵀ tentang firman Allah ﷻ, ***"Dan hendaklah kalian persiapkan untuk (melawan) mereka (musuh-musuh Islam) apa yang kalian mampu daripada kekuatan"*** beliau berkata, "Quwwah maksudnya ialah kuda-kuda jantan, sedangkan Ribaṭ ul-khail maksudnya kuda-kuda betina."

٩. وَأَخْرَجَ ابْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَابْنُ أَبِي حَاتِمٍ عَنْ سَعِيْدِ بْنِ الْمُسَيِّبِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فِي الآيَةِ قَالَ: اَلْقُوَّةُ الْفَرَسُ إِلَى السَّهْمِ فَمَا دُوْنَهُ .

Ibnu Abi Syaibah dan Ibnu Abi Hatim meriwayatkan daripada Sa'id Ibnul Musayyib ﵁ mengenai ayat tersebut, beliau mengatakan, "Kekuatan ialah kuda, panah dan perkara-perkara yang seumpamanya."

١٠. وَأَخْرَجَ ابْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَابْنُ الْمُنْذِرِ وَابْنُ أَبِي حَاتِمٍ وَأَبُو الشَّيْخِ عَنْ عِكْرِمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فِي قَوْلِهِ ﴿تُرْهِبُونَ بِهِۦ عَدُوَّ ٱللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ﴾ قَالَ تُخْزُوْنَ بِهِ عَدُوَّ اللهِ وَعَدُوَّكُمْ .

Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah, Ibnul Munżir, Ibnu Abi Hatim, dan Abus Syaikh daripada Ikrimah ﵁ mengenai firman Allah ﷻ, ***"Dengannya (kuda tersebut) kalian dapat menakuti musuh Allah dan musuh kalian."*** beliau mengatakan, "(Maksudnya ialah) dengannya kalian dapat menghinakan musuh Allah dan musuh kalian."

١١. وَأَخْرَجَ الْحَاكِمُ وَصَحَّحَهُ وَالْبَيْهَقِيُّ فِي شُعَبِ الْإِيْمَانِ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ بِقَوْمٍ وَهُمْ يَرْمُوْنَ، فَقَالَ: رَمْيًا بَنِي إِسْمَعِيْلَ لَقَدْ كَانَ أَبُوْكُمْ رَامِياً.

Diriwayatkan oleh Imam Hakim dan beliau menṣahihkannya, dan Imam Baihaqi dalam kitab ‘Syuʿab ul-Iman’ daripada Sayyidina Ibnu Abbas ؓ, beliau berkata, “Sesungguhnya Nabi ﷺ melewati satu kaum yang sedang memanah, maka Nabi ﷺ bersabda, **“Teruslah memanah wahai Bani Ismail, sesungguhnya datuk kalian adalah seorang pemanah.”**

١٢. وَأَخْرَجَ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَابْنُ مَاجَةَ وَالْحَاكِمُ وَصَحَّحَهُ وَالْبَيْهَقِيُّ عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ الْجُهَنِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ (٤: ٤٧٢) إِنَّ اللهَ يُدْخِلُ بِالسَّهْمِ الْوَاحِدِ ثَلَاثَةَ نَفَرٍ الْجَنَّةَ: صَانِعَهُ الذي يَحْتَسِبُ فِي صَنْعَتِهِ الْخَيْرَ، والذي يُجَهِّزُ بِهِ فِي سَبِيْلِ اللهِ، وَالَّذِي يَرْمِي بِهِ فِي سَبِيْلِ اللهِ . وَقَالَ: ارْمُوا وَارْكَبُوا، وَأَنْ تَرْمُوا خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَرْكَبُوا، وقال: كُلُّ شَيْءٍ يَلْهُو بِهِ ابْنُ آدَمَ فَهُوَ بَاطِلٌ إِلاَّ ثَلَاثَةً، رَمْيَةً عَنْ قَوْسِهِ، وَتَأْدِيْبَهُ فَرَسَهُ، وَمُلاَعَبَتَهُ أَهْلَهُ فَإِنَّهُنَّ مِنَ الْحَقِّ، وَمَنْ عَلِمَ الرَّمْيَ ثُمَّ تَرَكَهُ فَهِيَ نِعْمَةٌ كَفَرَهَا

Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, Turmuẓi, Ibnu Majah, Hakim dan beliau menṣahihkannya, dan Baihaqi daripada Sayyidina ʿUqbah bin ʿAamir al-Juhani, beliau berkata, “Aku pernah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, **“Sesungguhnya**

Allah ﷻ memasukan tiga orang ke dalam syurga dengan sebab satu batang anak panah, (pertama) orang yang membuatnya kerana mengharapkan pahala dalam pembuatannya, (kedua) orang yang menyediakan atau mempersiapkan anak panah tersebut untuk berjuang di Allah, (dan yang ketiga) orang yang mebidikkannya di jalan Allah.” Dan Rasulullah ﷺ bersabda, **“Memanah dan berkudalah dan jika kalian memanah maka itu lebih baik daripada berkuda.”** Baginda ﷺ juga bersabda, **“Setiap permainan yang dilakukan oleh manusia hukumnya batil, kecuali tiga perkara, (pertama) melepaskan anak panah dari busurnya, (kedua) mendidik (melatih) kudanya, dan (ketiga) bercumbu dengan isterinya. Sesungguhnya tiga perkara ini termasuk perkara haq (kebenaran). Orang yang sudah pandai memanah, lalu meninggalkan kemahiran tersebut, berarti ia telah mengkufuri nikmat.”**

١٣. وَأَخْرَجَ عَبْدُ الرَّزَّاق فِي الْمُصَنَّفِ (٦: ٦١، رقم ١٠٠٠٣) وَالْبَيْهَقِيُ فِي شُعَبِ الإِيْمَانِ (٤: ٤٥، رقم ٤٣٠٢) عَنْ حَرَامِ بْنِ مُعَاوِيَةَ قَالَ: كَتَبَ إِلَيْنَا عُمَرُ ابْنُ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُ أَنْ لَا يُجَاوِرَنَّكُمْ خِنْزِيْرٌ وَلاَ يُرْفَعُ فِيْكُمْ صَلِيْبٌ وَلاَ تَأْكُلُوا عَلَى مَائِدَةٍ يُشْرَبُ عَلَيْهَا الْخَمْرُ وأدبوا الخيل وَامْشُوا بَيْنَ الفرقتين . وفي جامع الأحاديث (٢٨: ١٧٣) وامشوا بين الغرضين.

Diriwayatkan oleh Imam ‘Abd ur-Razzaq dalam kitab ‘al-Muṣannaf’ dan Imam Baihaqi dalam kitab ‘Syu‘ab ul-Iman’ daripada Hadrat Haram bin Mu‘awiyah, beliau berkata, “Umar ؓ mengirim surat kepada kami, yang menyatakan, “Jangan

sekali-kali babi berada di antara kalian, jangan sampai diangkat atau dipancangkan salib di tengah-tengah kalian, jangan makan di atas meja makan yang dihidangkan di atasnya minuman khamar (arak), latihlah kuda-kuda kalian, dan berjalanlah di tengah-tengah dua sasaran."

١٤. وَأَخْرَجَ الْبَزَّارُ وَالْحَاكِمُ وَصَحَّحَهُ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: خَرَجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَوْمٌ مِنْ أَسْلَمَ يَرْمُوْنَ فَقَالَ ارْمُوا بَنِي إِسْمَعِيلَ فَإِنَّ أَبَاكُمْ كَانَ رَامِيًا اِرْمُوا وَأَنَا مَعَ ابْنِ الْأَدْرَعِ. فَأَمْسَكَ الْقَوْمُ فَسَأَلَهُمْ؟ فَقَالُوْا يَا رَسُوْلَ اللهِ مَنْ كُنْتَ مَعَهُ غَلَبَ. قَالَ: اِرْمُوْا وَأَنَا مَعَكُمْ كُلِّكُمْ.

Diriwayatkan oleh al-Bazzar dan al-Hakim dan beliau menṣahihkannya daripada Sayyidina Abu Hurairah ﷺ, beliau berkata, "Satu ketika Rasulullah ﷺ keluar dan pada waktu itu sekelompok orang dari suku Aslam sedang memanah, maka Rasulullah ﷺ bersabda, "Teruslah memanah wahai Bani Ismail, sesungguhnya datuk kalian seorang ahli pemanah, teruslah memanah, aku berpihak pada Ibnul Adra'. Maka orang ramai pun berhenti memanah, lalu Rasulullah ﷺ menanyakan sebab mereka berhenti, mareka menjawab, "Wahai Rasulullah, orang yang tuan berpihak kepadanya pasti akan menang!" Maka Rasulullah bersabda, "Teruslah memanah, aku bersama kamu semua."

١٥. وَأَخْرَجَ أَحْمَدُ وَالْبُخَارِيُّ عَنْ سَلَمَةَ بْنِ الْأَكْوَعِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: خَرَجَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى قَوْمٍ مِنْ أَسْلَمَ يَتَنَاضَلُوْنَ فِي السُّوْقِ

فَقَالَ ارْمُوْا يَا بَنِي إِسْمَعِيْلَ فَإِنَّ أَبَاكُمْ كَانَ رَامِياً، اِرْمُوْا وَأَنَا مَعَ بَنِيْ فُلاَنٍ - لِأَحَدِ الْفَرِيْقَيْنِ - فَأَمْسَكُوْا بِأَيْدِيهِمْ فَقَالَ: اِرْمُوْا. . . ! قَالُوْا: يَا رَسُوْلَ اللهِ كَيْفَ نَرْمِي وَأَنْتَ مَعَ بَنِي فُلاَنٍ؟ قَالَ: اِرْمُوْا وَأَنَا مَعَكُمْ كُلِّكُمْ.

Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Imam Bukhari daripada Sayyidina Salamah bin Akwa', beliau berkata, "Rasulullah ﷺ keluar menemui sekelompok manusia daripada suku Aslam yang sedang bertanding memanah di pasar, maka Rasulullah bersabda, "Panahlah wahai Bani Ismail, sesungguhnya datuk kalian ahli memanah, panahlah, aku berpihak pada Bani Fulan, - kepada salah satu kelompok yang ikut bertanding - maka mereka berhenti memanah. Maka Rasulullah bersabda, "Teruskanlah!" Mereka berkata, "Wahai Rasulullah! Bagaimana kami akan meneruskan memanah, sedangkan tuan berpihak kepada Bani Fulan?" Rasulullah bersabda, "Panahlah, Aku bersama kalian semua."

١٦. وَأَخْرَجَ الْحَاكِمُ وَصَحَّحَهُ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ إِيَاسِ بْنِ سَلَمَةَ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ عَلَى نَاسٍ يَنْتَضِلُوْنَ فَقَالَ: حَسَنٌ اَللَّهُمَّ مَرَّتَيْنِ أَوْ ثَلاَثاً. اِرْمُوْا وَأَنَا مَعَ ابْنِ الْأَدْرَعِ. فَأَمْسَكَ الْقَوْمُ قَالَ: اِرْمُوْا وَأَنَا مَعَكُمْ جَمِيْعاً، فَلَقَدْ رَمَوْا عَامَّةَ يَوْمِهِمْ ذَلِكَ ثُمَّ تَفَرَّقُوْا عَلَى السَّوَاءِ مَا نَضَلَ بَعْضُهُمْ بَعْضاً.

Diriwayatkan oleh Imam Hakim dan beliau mensahihkannya daripada Muhammad bin Iyas bin Salamah daripada bapanya, daripada datuknya, beliau berkata, "Sesungguhnya Rasulullah ﷺ melewati sekelompok orang yang sedang memanah, lalu

Rasulullah bersabda, "Tepatkan (pada sasaran)," – Baginda ulangi dua atau tiga kali -, teruskanlah memanah, aku berpihak kepada Ibnul Adra', maka orang-orang itu pun berhenti memanah, lalu Rasulullah bersabda, "Teruskanlah memanah, aku bersama kamu semua." Maka mereka memanah pada hari itu sepanjang hari, kemudian mereka perpisah tanpa ada yang menang satu sama lain, pada hari itu.

١٧. وَأَخْرَجَ الطَّبَرَانِيُّ فِي الْأَوْسَطِ وَالْحَاكِمُ وَالْقَرَّابُ فِي فَضْلِ الرَّمْيِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ كُلُّ شَيْءٍ مِنْ لَهْوِ الدُّنْيَا بَاطِلٌ إِلاَّ ثَلاَثَةٌ اِنْتِضَالَكَ بِقَوْسِكَ وَتَأْدِيْبَكَ فَرَسَكَ وَمُلاَعَبَتَكَ أَهْلَكَ فَإِنَّهَا مِنَ الْحَقِّ وَقَالَ عَلَيهِ السَّلاَمُ اِنْتَضِلُوا وَارْكَبُوْا وَأَنْ تَنْتَضِلُوْا أَحَبُّ إِلَيَّ إِنَّ اللهَ لَيُدْخِلُ بِالسَّهْمِ الْوَاحِدِ ثَلاَثَةً الْجَنَّةَ . صَانِعَهُ مُحْتَسِباً وَالْمُعِيْنَ بِهِ وَالرَامِي بِهِ فِي سَبِيْلِ اللهِ تَعَالَى .

Diriwayatkan oleh Imam Ṭabarani dalam kitab *'al-Ausaṭ'*, Hakim dan Qarrab dalam kitab *'Fadhl ar-Ramyi'* (Kelebihan Memanah) daripada Sayyidina Abu Hurairah ﷺ, beliau berkata, Sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda, "Setiap permainan dunia batil kecuali tiga perkara, "Melepaskan anak panah dari busurmu, melatih kudamu, bercumbu dengan isterimu, tiga perkara ini termasuk perkara haq." Nabi bersabda, "Memanah dan berkudalah, jika kalian memanah maka itu lebih aku cintai. Sesungguhnya dengan satu anak panah Allah memasukan tiga orang ke dalam syurga, orang yang membuatnya semata-mata mengharapkan pahala, orang yang membantu menyediakannya

untuk para mujahid, dan orang yang memanahnya di jalan Allah."

١٨. وَأَخْرَجَ الْحَاكِمُ وَصَحَّحَهُ وَالْقَرَّابُ عَنْ أَبِي نَجِيحٍ السُّلَمِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ حَاصَرْنَا قَصْرَ الطَّائِفِ، فَسَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ مَنْ رَمَى بِسَهْمٍ فِي سَبِيْلِ اللهِ فَلَهُ عَدْلُ مُحَرَّرٍ قَالَ فَبَلَغْتُ يَوْمَئِذٍ سِتَّةَ عَشَرَ سَهْماً.

Diriwayatkan oleh Imam Hakim dan beliau menṣahihkanya - dan Qarrab meriwayatkan hadis daripada Abu Najih as-Sulami, beliau berkata, "Kami mengepung istana Thaif, maka aku mendengar Rasulullah bersabda, "Barang siapa yang melepaskan satu anak panah di jalan Allah, maka baginya pahala seperti orang memerdekakan seorang hamba sahaya." Abu Najih berkata, "Aku melemparkan panah pada hari itu hingga enam belas anak panah.

١٩. وَأَخْرَجَ ابْنُ مَاجَةَ وَالْحَاكِمُ وَالْقَرَّابُ عَنْ عَمْرِو بْنِ عَبَسَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ (٤ : ٤٧٣) سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ مَنْ رَمَى الْعَدُوَّ بِسَهْمٍ فَبَلَغَ سَهْمُهُ أَوْ أَخْطَأَ أَوْ أَصَابَ فَعَدْلُ رَقَبَةٍ.

Diriwayatkan oleh Ibnu Majah, Hakim, dan Qarrab hadis daripada Sayyidina 'Amar bin 'Abasah ﷺ, beliau berkata, aku pernah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "Barang siapa yang melemparkan anak panah ke arah musuh, lalu anak panah itu sampai tempat sasaran, atau salah sasaran, atau tepat sasaran, maka pahalanya seperti memerdekakan seorang hamba sahaya."

٢٠. وَأَخْرَجَ الْحَاكِمُ عَنْ عَبَّاسِ بْنِ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ عَنْ أَبِيْهِ قَالَ لَمَّا كَانَ يَوْمُ بَدْرٍ قَالَ لَنَا رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَكْثَبُوْكُمْ فَارْمُوْا بِالنَّبْلِ وَاسْتَبْقُوْا نَبْلَكُمْ.

Diriwayatkan oleh Hakim daripada ʿAbbas bin Sahal bin Saʿad daripada bapanya, beliau berkata, "Ketika perang Badar, Rasulullah ﷺ bersabda kepada kami, "Apabila musuh mendekati kamu, maka panahilah mereka dengan anak panah, dan sisakan anak panah kamu."[3]

٢١. وَأَخْرَجَ الْحَاكِمُ وَصَحَّحَهُ عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ يَوْمَ أُحُدٍ أَنْبِلُوْا سَعْدُ، أِرْمِ يَا سَعْدُ رَمَى اللهُ لَكَ، فِدَاكَ أَبِي وَأُمِّي.

Diriwayatkan oleh Imam Hakim dan beliau mensahihkannya daripada Saʿad bin Abi Waqqaṣ ؓ bahawasanya Nabi ﷺ bersabda dalam peperangan Uhud, "Berikanlah anak panah kepada Saʿad! Panahlah (musuh) wahai Sa'ad, semoga Allah menjadikan sasaranmu tepat. Sesungguhnya ayah dan ibuku menjadi tebusan untukmu."

[3] Dalam kaedah memanah, panah yang pertama dikira sebagai panah yang terakhir sehingga ia tidak dikira membazirkan anak panah dan berusaha untuk mensasari sasarannya dengan tepat.

٢٢. وَأَخْرَجَ الْحَاكِمُ وَصَحَّحَهُ عَنْ عَائِشَةَ بِنْتِ سَعْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنْ أَبِيْهَا أَنَّهُ قَالَ أَلاَ هَلْ أَتَى رَسُوْلَ اللهِ أَنِّي حَمَيْتُ صَحَابَتِي بِصُدُوْرِ نَبْلِي.

Diriwayatkan oleh Imam Hakim dan beliau mensahihkannya daripada Sayyidatina ʿAisyah binti Saʿad daripada ayahnya ﷺ bahawa beliau berkata, "Ketahuilah, adakah sampai berita kepada Rasulullah ﷺ bahawa sesungguhnya aku melindungi sahabatku dengan hujung anak panahku."

٢٣. وَأَخْرَجَ الثَّقَفِيُّ فِي فَوَائِدِهِ عَنْ أَبِي أَيُّوْبَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لاَ تَحْضُرُ الْمَلاَئِكَةُ مِنَ اللَّهْوِ شَيْئاً إِلاَّ ثَلاَثَةٌ. لَهْوُ الرَّجُلِ مَعَ امْرَأَتِهِ وَإِجْرَاءُ الْخَيْلِ وَالنِّضَالُ. وَفِي الْجَامِعِ الْكَبِيْرِ لِلْمُؤَلِّفِ (١: ٢١٣٢١) (١١٦٣) مَا مِنْ شَيْءٍ تَحْضُرُهُ الْمَلاَئِكَةُ مِنَ اللَّهْوِ إِلاَّ ثَلاَثَةٌ الرَّجُلُ مَعَ امْرَأَتِهِ وَإِجْرَاءُ الْخَيْلِ وَالنِّضَالُ (اَلْحَاكِمُ فِى الْكُنَى عَنْ أَبِي أَيُّوبَ).

Diriwayatkan oleh Imam Ṡaqafi dalam kitab Fawaidnya daripada Sayyidina Abu Ayyub al-Anṣari ﷺ bahawa Nabi ﷺ bersabda, "Para malaikat tidak hadir dalam mana-mana permainan pun kecuali tiga perkara: (1) cumbu mesra seseorang kepada isterinya, (2) latihan memacu kuda dan (3) memanah." Dalam (riwayat) al-Jami' al-Kabir (1: 21321) (1163). "Tiada apa permainan pun yang dihadiri oleh para malaikat kecuali tiga perkara; seseorang bersama isterinya, memacu kuda dan memanah." (al-Hakim dalam kitab al-Kuna daripada Sayyidina Abu Ayyub ﷺ).

٢٤. وَأَخْرَجَ ابْنُ عَدِيٍّ عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اَلْمَلاَئِكَةُ تَشْهَدُ ثَلاَثًا. اَلرَّمْيِ وَالرِّهَانَ وَمُلاَعَبَةَ الرَّجُلِ أَهْلَهُ.

Diriwayatkan oleh Ibnu ‘Adi daripada Sayyidina Ibnu Umar ﷺ beliau berkata, “Rasullullah ﷺ bersabda, “Para malaikat itu menyaksikan tiga perkara; memanah, pacuan kuda dan bercumbunya seseorang dengan isterinya.”

٢٥. وَأَخْرَجَ أَبُوْ عُبَيْدَةَ فِي كِتَابِ الْخَيْلِ (١: ٣) عَنْ أَبِي الشَّعْثَاءِ جَابِرِ بْنِ يَزِيْدَ رَضِيَ اللهُ عَنه أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اِرْمُوْا وَارْكَبُوْا الْخَيْلَ وَاَنْ تَرْمُوْا أَحَبُّ إِلَيَّ، كُلُّ لَهْوٍ لَهَا بِهِ الْمُؤْمِنُ بَاطِلٌ إِلَّا ثَلَاثَ خِلاَلٍ. رَمْيَكَ عَنْ قَوْسِكَ وَتَأْدِيْبَكَ فَرَسَكَ وَمُلاَعَبَتَكَ أَهْلَكَ فَإِنَّهُنَّ مِنَ الْحَقِّ.

Diriwayatkan oleh Abu Ubaidah dalam kitab ‘al-Khail’ (Kuda) daripada Abu Sya‘śa’ Jabir bin Yazid ﷺ bahawa Nabi ﷺ bersabda, “Memanah dan menunggang kudalah kalian, dan jika kamu (memilih salah satu daripadanya maka) memanah lebih aku sukai. Setiap permainan yang dimain oleh orang beriman adalah batil kecuali tiga perkara; panahan busurmu, melatih kudamu serta candamu (senda gurau) dengan keluargamu, maka itu semua adalah haq.”

٢٦. وَأَخْرَجَ النَّسَائِيُّ وَالْبَزَّارُ وَالْبَغَوِيُّ وَالْبَارُوْدِيُّ وَالطَّبَرَانِيُّ وَالْقَرَّابُ وَأَبُوْ نُعَيْمٍ وَالْبَيْهَقِيُّ وَالضِّيَاءُ عَنْ عَطَاءِ بْنِ أَبِي رَبَاحٍ قَالَ رَأَيْتُ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللهِ

وَجَابِرَ بْنَ عُمَيْرٍ الأَنْصَارِيَّ يَرْتَمِيَانِ فَمَلَّ أَحَدُهُمَا فَجَلَسَ فَقَالَ الآخَرُ كَسَلْتَ... ؟ سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ كُلُّ شَيْءٍ لَيْسَ مِنْ ذِكْرِ اللهِ فَهُوَ لَغْوٌ وَسَهْوٌ إِلاَّ أَرْبَعَ خِصَالٍ. مَشْيَ الرَّجُلِ بَيْنَ الْغَرْضَيْنِ وَتَأْدِيْبَ فَرَسِهِ وَمُلاَعَبَتَهُ أَهْلَهُ وَتَعْلِيْمَ السِّبَاحَةِ.

Diriwayatkan oleh an-Nasa'i, al-Bazzar, al-Baghawi, al-Barudi, at-Ṭabarani, al-Qarrab, Abu Nuaim, al-Baihaqi dan ad-Ḍiya' daripada Aṭo' bin Abi Rabah beliau berkata, "Saya melihat Jabir bin Abdillah dan Jabir bin Umair al-Anṣari keduanya sedang melatih memanah, salah seorang daripada mereka berdua merasa bosan dan duduk, maka temannya bertanya, "Adakah kamu telah menjadi malas?" Saya telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "Segala sesuatu yang tidak ada zikir kepada Allah maka tidak ada gunanya dan melalaikan, kecuali empat perkara; berjalannya seseorang di antara dua sasaran, melatih kudanya, bercumbu dengan isterinya dan berenang."

٢٧. وَأَخْرَجَ الْقَرَّابُ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللهَ يُدْخِلُ بِالسَّهْمِ الْوَاحِدِ ثَلاَثَةَ الْجَنَّةَ اَلرَّامِيَ وَالْمُمِدَّ بِهِ وَالْمُحْتَسِبَ لَهُ.

Diriwayatkan oleh al-Qarrab daripada Sayyidina Anas bin Malik ؓ beliau berkata, "Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesungguhnya Allah akan memasukkan tiga orang ke dalam syurga dengan sebab satu anak panah; orang yang memanah, orang yang menyiapkan panahan dan yang membuatnya kerana mengharap pahala dengannya."

٢٨. وَأَخْرَجَ الْقَرَّابُ عَنْ حُذَيْفَةَ رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُ قَالَ كَتَبَ عُمَرُ رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُ إِلَى الشَّامِ أَيُّهَا النَّاسُ اِرْمُوْا وَارْكَبُوْا وَالرَّمْيُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنَ الرُّكُوْبِ، فَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ إِنَّ اللّٰهَ يُدْخِلُ بِالسَّهْمِ الْوَاحِدِ الْجَنَّةَ مَنْ عَمِلَهُ فِي سَبِيْلِهِ وَمَنْ قَوَّى بِهِ فِي سَبِيْلِ اللّٰهِ عَزَّ وَجَلَّ.

Diriwayatkan oleh al-Qarrab daripada Sayyidina Huzaifah ﵁ beliau berkata, "Umar ﵁ telah menulis kepada penduduk Syam, "Wahai manusia, memanah dan menunggganglah kalian, dan memanah lebih aku sukai, kerana sesungguhnya saya mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesungguhnya Allah ﷻ akan memasukkan ke dalam syurga kerana satu anak panah yaitu; seseorang yang membuatnya (untuk digunakan) di jalan Allah dan orang yang bersenjata dengannya di jalan Allah ﷻ.

٢٩. وَأَخْرَجَ الْقَرَّابُ عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ نِعْمَ لَهْوُ الْمُؤْمِنِ الرَّمْيُ وَمَنْ تَرَكَ الرَّمْيَ بَعْدَمَا عَلِمَهُ فَهُوَ نِعْمَةٌ تَرَكَهَا. (٤: ٤٧٤)

Diriwayatkan oleh al-Qarrab daripada Sayyidina Ibnu Umar ﵁ daripada Nabi ﷺ Baginda ﷺ bersabda, "Sebaik-baik permainan orang mukmin ialah memanah, dan barang siapa meninggalkannya setelah dia mengetahuinya maka dia telah meninggalkan sebuah nikmat (Allah)."

٣٠. وَأَخْرَجَ الْقَرَّابُ عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ لَا أَتْرُكُ الرَّمْيَ أَبَدًا وَلَوْ كَانَتْ يَدِيْ مَقْطُوْعَةً بَعْدَ شَيْءٍ سَمِعْتُهُ مِنْ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ مَنْ تَعَلَّمَ الرَّمْيَ ثُمَّ تَرَكَهُ فَقَدْ عَصَانِي.

Diriwayatkan oleh al-Qarrab daripada Sayyidina ʿUqbah bin Amir ﷺ beliau berkata, "Saya tidak akan meninggalkan memanah selamanya walaupun seandainya tanganku terpotong, setelah aku dengar perkara itu daripada Rasulullah ﷺ, aku mendengar Baginda ﷺ bersabda, "Barang siapa yang belajar memanah kemudian dia meninggalkannya maka orang itu telah mendurhakaiku."

٣١. وَأَخْرَجَ الْقَرَّابُ عَنْ مَكْحُوْلٍ يَرْفَعُهُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ كُلُّ لَهْوٍ بَاطِلٌ إِلاَّ رُكُوْبَ الْخَيْلِ وَالرَّمْيَ وَلَهْوَ الرَّجُلِ مَعَ امْرَأَتِهِ فَعَلَيْكُمْ بِرُكُوْبِ الْخَيْلِ وَالرَّمْيِ وَالرَّمْيُ أَحَبُّهُمَا إِلَيَّ.

Diriwayatkan oleh Imam al-Qarrab daripada Makhul ﷺ beliau merafaʿkannya kepada Nabi ﷺ, Baginda ﷺ bersabda, "Setiap permainan itu adalah perkara batil (sia-sia) kecuali menunggangi kuda, memanah dan cumbuan seorang lelaki bersama isterinya, maka hendaknya kalian mengunggangi kuda serta memanah, dan di antara dua perkara tersebut memanah lebih aku sukai."

٣٢. وَأَخْرَجَ الْقَرَّابُ مِنْ طَرِيْقِ مَكْحُوْلٍ عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اَللَّهْوُ فِي ثَلاَثٍ تَأْدِيْبِكَ فَرَسَكَ وَرَمْيِكَ بِقَوْسِكَ وَمُلاَعَبَتِكَ أَهْلَكَ.

Diriwayatkan oleh Imam al-Qarrab daripada tariq Makhul daripada Sayyidina Abu Darda ﷺ daripada Nabi ﷺ Baginda bersabda, "Permainan (yang diperbolehkan) terdapat pada tiga perkara, mendidik (melatih) kuda, memanah dengan busur dan bermesraan dengan isteri."

٣٣. وَأَخْرَجَ الْقَرَّابُ مِنْ طَرِيْقِ مَكْحُوْلٍ أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ كَتَبَ إِلَى أَهْلِ الشَّامِ أَنْ عَلِّمُوْا أَوْلاَدَكُمْ السِّبَاحَةَ وَالْفُرُوْسِيَّةَ.

Diriwayatkan oleh Imam al-Qarrab daripada jalur Makhul, bahawa Sayyidina Umar bin Khathab ﷺ mengirimkan surat kepada penduduk Syam (yang berisi), "Ajarilah anak-anak kamu berenang serta bermain kuda."

٣٤. وَأَخْرَجَ الْقَرَّابُ عَنْ سُلَيْمَانَ التَّيْمِيِّ قَالَ كَانَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعْجِبُهُ أَنْ يَكُوْنَ الرَّجُلُ سَابِحاً رَامِيًا.

Diriwayatkan oleh Imam al-Qarrab daripada Sulaiman at-Taimi ﷺ beliau berkata, "Rasulullah ﷺ sangat menyenangi seorang lelaki yang pandai berenang serta memanah.

٣٥. وَأَخْرَجَ الْقَرَّابُ عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ رَمَى بِسَهْمٍ فِي سَبِيْلِ اللهِ فَأَصَابَ أَوْ أَخْطَأَ أَوْ قَصُرَ فَكَأَنَّمَا أَعْتَقَ رَقَبَةً كَانَتْ فِكَاكًا لَهُ مِنَ النَّارِ.

Diriwayatkan oleh Imam al-Qarrab daripada Sayyidina Anas ﷺ beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Barang siapa yang melemparkan satu panah di jalan Allah, baik tepat pada sasaran atau tidak atau tidak sampai maka seakan-akan dia telah memerdekakan seorang hamba sahaya yang akan menjadi pembebas baginya daripada api neraka."

٣٦. وَأَخْرَجَ الْقَرَّابُ عَنْ أَبِي نَجِيْحٍ السُّلَمِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ حَصَرْنَا مَعَ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَصْرَ الطَّائِفِ فَسَمِعْتُهُ يَقُوْلُ مَنْ رَمَى بِسَهْمٍ فِي سَبِيْلِ اللهِ قَصُرَ أَوْ بَلَغَ كَانَتْ لَهُ دَرَجَةٌ فِي الْجَنَّةِ.

Diriwayatkan oleh Imam al-Qarrab daripada Abu Najih as-Sulami ﷺ beliau berkata, "Kami pernah bersama Rasulullah ﷺ mengepung Kubu Thaif, maka aku mendengar Baginda ﷺ bersabda, "Barang siapa yang melemparkan panah di jalan Allah baik mengenai sasaran ataupun tidak, maka itu akan menjadi (kenaikan) darjat baginya di dalam syurga."

٣٧. وَأَخْرَجَ الْقَرَّابُ عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَاتِلُوْا أَهْلَ الصَّقْعِ، فَمَنْ بَلَغَ مِنْهُمْ فَلَهُ دَرَجَةٌ فِي

الْجَنَّةِ. قَالُوا يَا رَسُوْلَ اللهِ مَا الدَّرَجَةُ؟ قَالَ مَا بَيْنَ الدَّرَجَتَيْنِ خَمْسُمِائَةِ عَامٍ.

Diriwayatkan oleh Imam al-Qarrab daripada Sayyidina ʿAbdullah bin Masʿud ﷺ beliau berkata, "Rasulullah ﷺ bersabda, "Perangilah penduduk daerah ini (Thaif), barang siapa yang (memanah) tepat mengenai mereka, maka baginya satu darjat di dalam syurga." Para sahabat bertanya, "Wahai Rasulullah, apa (yang dimaksudkan) darjat itu?" Baginda ﷺ menjawab, "(Jarak) antara dua darjat itu adalah lima ratus tahun."

٣٨. وَأَخْرَجَ الطَّبَرَانِيُّ وَالْقَرَّابُ عَنْ أَبِي عَمْرَةَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ مَنْ رَمَى بِسَهْمٍ فِي سَبِيْلِ اللهِ فَبَلَغَ أَوْ قَصُرَ كَانَ السَّهْمُ نُوْراً يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Diriwayatkan oleh Imam Ṭabarani dan al-Qarrab daripada Abu ʿAmrah al-Anṣari ﷺ, aku pernah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "Barang siapa yang melemparkan satu anak panah di jalan Allah, lalu sampai (sasaran) ataupun tidak sampai, maka (tetap saja) anak panah tersebut akan menjadi cahaya baginya pada hari kiamat."

٣٩. وَأَخْرَجَ ابْنُ عَدِيٍّ عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحَبُّ اللَّهْوِ إِلَى اللهِ إِجْرَاءُ الْخَيْلِ وَالرَّمْيُ بِالنَّبْلِ وَلَعْبُكُمْ مَعَ أَزْوَاجِكُمْ.

Diriwayatkan oleh Imam Ibnu ʿAdi daripada Sayyidina Ibnu ʿUmar ﵁ beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Permainan yang paling dicintai oleh Allah ﷻ adalah memacu (melatih) kuda (berlari), memanah dengan busur, dan bercumbu bersama isteri-isteri kamu."

٤٠. وَأَخْرَجَ الْبَزَّارُ وَالطَّبَرَانِيُّ فِي الْأَوْسَطِ عَنْ سَعْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ عَلَيْكُمْ بِالرَّمْيِ فَإِنَّهُ خَيْرٌ أَوْ مِنْ خَيْرِ لَهْوِكُمْ.

Diriwayatkan oleh Imam al-Bazzar dan Ṭabarani dalam kitab 'al-Ausaṭ' daripada Sayyidina Saʿad ﵁ beliau berkata, "Hendaklah kalian memanah, kerana memanah itu adalah perbuatan baik atau ia termasuk salah satu permainan terbaik bagi kamu."

٤١. وَأَخْرَجَ أَبُو عَوَانَةَ عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ تَعَلَّمُوا الرَّمْيَ فَإِنَّهُ خَيْرُ لَعِبِكُمْ.

Diriwayatkan oleh Abu ʿAwanah daripada Sayyidina Saʿad bin Abi Waqqash ﵁ beliau berkata, "Belajarlah memanah kerana memanah adalah permainan terbaik (untuk) kamu."

٤٢. وَأَخْرَجَ الْبَزَّارُ عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ عَلَى قَوْمٍ وَهُمْ يَرْمُوْنَ فَقَالَ ارْمُوْا بَنِي إِسْمٰعِيلَ فَإِنَّ أَبَاكُمْ كَانَ رَامِياً.

Diriwayatkan oleh al-Bazzar daripada Sayyidina Jabir ﵁ bahawa Nabi ﷺ melewati sekelompok orang yang sedang memanah, lalu Baginda ﷺ bersabda, "Panahlah (bidiklah) wahai

Bani Ismail, kerana sesungguhnya datuk kamu (Nabi Ismail ﷷ) adalah seorang pemanah."

٤٣. وَأَخْرَجَ الْبَزَّارُ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُ (٤: ٤٧٥) أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ تَعَلَّمَ الرَّمْيَ ثُمَّ نَسِيَهُ فَهِيَ نِعْمَةٌ جَحَدَهَا.

Diriwayatkan oleh al-Bazzar daripada Sayyidina Abu Hurairah ﵁ bahawa Nabi ﷺ bersabda, "Barangsiapa yang telah mempelajari memanah (membidik anak panah) kemudian dia melupakannya, maka hal tersebut adalah suatu nikmat yang dia ingkari dan kufuri."

٤٤. وَأَخْرَجَ الْبَزَّارُ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لاَ تَحْضُرُ الْمَلاَئِكَةُ مِنْ لَهْوِكُمْ إِلَّا الرِّهَانُ وَالنِّضَالُ.

Diriwayatkan oleh al-Bazzar daripada Sayyidina Abu Hurairah ﵁ bahawa Nabi ﷺ bersabda, "Para malaikat tidak menghadiri permainan kalian kecuali memacu (kuda) dan memanah."

٤٥. وَأَخْرَجَ الْبَزَّارُ بِسَنَدٍ حَسَنٍ عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلَ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ رَمَى رَمْيَةً فِي سَبِيْلِ اللّٰهِ قَصُرَ أَوْ بَلَغَ كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ أَرْبَعَةِ أُنَاسٍ مِنْ وَلَدِ إِسْمَعِيْلَ الْيَوْمَ.

Diriwayatkan oleh al-Bazzar dengan sanad yang hasan daripada Sayyidina Anas ﵁ beliau berkata, "Rasulullah ﷺ bersabda, "Barangsiapa yang membidikkan anak panahnya di jalan Allah, baik anak panah tersebut tidak sampai (kepada sasaran) ataupun

sampai (kepada sasaran), maka dia akan memperoleh seperti pahala (memerdekakan) empat orang anak keturunan Nabi Ismail ﵇ pada hari ini (sekarang)."

٤٦. وَأَخْرَجَ الْبَزَّارُ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ رَمَى بِسَهْمٍ فِي سَبِيْلِ اللهِ كَانَ لَهُ نُوْرٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Diriwayatkan oleh al-Bazzar daripada Sayyidina Abu Hurairah ﵁ beliau berkata, "Rasulullah ﷺ bersabda, "Siapa yang melepaskan anak panahnya di jalan Allah maka baginya cahaya pada hari kiamat."

٤٧. وَأَخْرَجَ الطَّبَرَانِيُّ فِي الْأَوْسَطِ عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّ لَهْوٍ يُكْرَهُ إِلاَّ مُلاَعَبَةُ الرَّجُلِ امْرَأَتَهُ وَمَشْيُهُ بَيْنَ الْهَدَفَيْنِ وَتَعْلِيْمُهُ فَرَسَهُ.

Diriwayatkan oleh at-Ṭabarani dalam kitab 'Muʿjam Ausaṭ' daripada Sayyidina 'Umar bin Khaṭṭab ﵁ beliau berkata, "Rasulullah ﷺ bersabda, "Setiap yang melalaikan itu dibenci (oleh Allah), kecuali bercumbunya seseorang dengan isterinya, berjalan di antara dua sasaran (memanah) dan melatih kudanya."

٤٨. وَأَخْرَجَ ابْنُ أَبِي الدُّنْيَا فِي كِتَابِ الرَّمْيِ وَالْبَيْهَقِيُّ فِي شُعَبِ الْإِيْمَانِ عَنْ أَبِي رَافِعٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَقُّ الْوَلَدِ عَلَى الْوَالِدِ أَنْ يُعَلِّمَهُ الْكِتَابَةَ وَالسِّبَاحَةَ وَالرَّمْيَ.

Diriwayatkan oleh Ibnu Abi ad-Dunya dalam 'Kitab ar-Ramyi' (kitab tentang memanah) dan al-Baihaqi dalam kitab 'Syuʿab al-

Iman" daripada Sayyidina Abu Rafi' ﷺ beliau berkata, "Rasulullah ﷺ bersabda, "Kewajiban seorang ayah kepada anaknya adalah mengajarkannya menulis, berenang dan memanah."

٤٩. وَأَخْرَجَ ابْنُ أَبِي الدُّنْيَا وَالدَّيْلَمِيُّ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْه وَسَلَّمَ تَعَلَّمُوْا الرَّمْيَ فَإِنَّ مَا بَيْنَ الْهَدَفَيْنِ رَوْضَةٌ مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ.

Diriwayatkan oleh Ibnu Abi ad-Dunya dan ad-Dailami daripada Sayyidina Abu Hurairah ﷺ beliau berkata, "Rasulullah ﷺ bersabda, "Belajarlah memanah, kerana sesungguhnya (kawasan yang ada) di antara dua sasaran memanah adalah salah satu taman dari taman-taman syurga."

٥٠. وَأَخْرَجَ الطَّبَرَانِيُّ عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ مَشَى بَيْنَ الْغَرَضَيْنِ كَانَ لَهُ بِكُلِّ خُطْوَةٍ حَسَنَةٌ.

Diriwayatkan oleh at-Ṭabarani daripada Sayyidina Abu Darda ﷺ beliau berkata, "Rasulullah ﷺ bersabda, "Barangsiapa yang berjalan di antara dua sasaran memanah maka dia akan memperoleh satu kebaikan dengan setiap langkah."

٥١. وَأَخْرَجَ الطَّبَرَانِيُّ فِي الصَّغِيْرِ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا عَلَى أَحَدِكُمْ إِذَا أَلَحَّ بِهِ هَمُّهُ أَنْ يَتَقَلَّدَ قَوْسَهُ فَيَنْفِي بِهَا هَمَّهُ.

Diriwayatkan oleh Imam at-Ṭabarani dalam kitab 'Mu'jam Ṣaghir' daripada Sayyidatina 'Aisyah ﵂ beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Tidak apa-apa bagi seseorang di antara kamu apabila didesak oleh rasa kegelisahan untuk mengalungkan busurnya (lalu dia mengalungkan busurnya) sehingga dia akan dapat menghilangkan kegelisahannya itu."

٥٢. وَأَخْرَجَ الْبَيْهَقِيُّ عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلِّمُوا أَبْنَاءَكُمُ السِّبَاحَةَ وَالرَّمْيَ وَالْمَرْأَةَ الْمَغْزَلَ.

Diriwayatkan oleh Imam al-Baihaqi daripada Ibnu 'Umar ﵄ beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Ajarilah anak-anak kamu berenang dan memanah, dan ajarilah perempuan kamu cara menenun."

٥٣. وَأَخْرَجَ ابْنُ مَنْدَهْ فِي الْمَعْرِفَةِ عَنْ بَكْرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ بْنِ الرَّبِيْعِ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلِّمُوْا أَبْنَاءَكُمُ السِّبَاحَةَ وَالرَّمْيَ وَالْمَرْأَةَ الْمَغْزَلَ.

Diriwayatkan oleh Ibnu Mandah dalam kitab 'al-Ma'rifah' daripada Bakar bin Abdillah bin Rabi' al-Anṣari ﵁ beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Ajarilah anak lelaki kamu berenang dan memanah, dan ajarilah anak perempuan kamu cara menenun."

٥٤. وَأَخْرَجَ عَبْدُ الرَّزَّاقِ فِي الْمُصَنَّفِ عَنْ عَمْرِو بْنِ عَبَسَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ مَنْ شَابَ شَيْبَةً فِي الْإِسْلَامِ

كَانَتْ لَهُ نُوراً يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَمَنْ رَمَى بِسَهْمٍ فِي سَبِيْلِ اللهِ كَانَ لَهُ عَدْلُ رَقَبَةٍ.

Diriwayatkan oleh ʿAbd ur-Razzaq dalam kitab ʿal-Muṣannafʾ daripada Sayyidina ʿAmar bin ʿAbasah ﷺ beliau berkata, aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "Barang siapa yang beruban rambutnya dalam Islam, maka baginya cahaya pada hari Kiamat, dan barang siapa yang memanah dengan satu anak panah di jalan Allah ﷻ, maka baginya pahala seperti memerdekakan hamba sahaya."

٥٥. وَأَخْرَجَ عَبْدُ الرَّزَّاقُ عَنْ أَبِي أُمَامَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ مَنْ شَابَ شَيْبَةً فِي الْإِسْلَامِ كَانَ لَهُ نُوراً يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ رَمَى بِسَهْمٍ فِي سَبِيْلِ اللهِ أَخْطَأَ أَوْ أَصَابَ كَانَ لَهُ عَدْلُ رَقَبَةٍ مِنْ وَلَدِ إِسْمَعِيْلَ. (٤: ٤٧٦)

Diriwayatkan oleh ʿAbd ur-Razzaq daripada Sayyidina Abu Umamah ﷺ bahawasanya beliau mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "Barang siapa rambutnya beruban dalam Islam, maka baginya cahaya di hari Kiamat, dan barang siapa yang memanah dengan satu anak panah di jalan Allah - tepat sasaran atau tidak, maka baginya pahala seperti memerdekakan hamba sahaya daripada keturunan Nabi Ismail ﷺ."

٥٦. وَأَخْرَجَ أَحْمَدُ عَنْ مُرَّةَ بْنِ كَعْبٍ رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُ عَنْ رَسُوْلِ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ بَلَغَ الْعَدُوَّ بِسَهْمٍ رَفَعَهُ اللّٰهُ بِهِ دَرَجَةً بَيْنَ الدَّرَجَتَيْنِ مِائَةَ عَامٍ وَمَنْ رَمَى بِسَهْمٍ فِي سَبِيْلِ اللّٰهِ كَانَ كَمَنْ أَعْتَقَ رَقَبَةً.

Diriwayatkan oleh Ahmad daripada Murrah bin Kaʿab ﷺ daripada Rasulullah ﷺ Baginda bersabda, "Barang siapa yang sampai kepada musuh dengan anak panah, maka Allah ﷻ akan mengangkatnya satu darjat, yang jarak antara dua darjat itu seperti perjalanan seratus tahun, dan barang siapa yang melemparkan anak panahnya di jalan Allah ﷻ maka baginya pahala seperti memerdekakan seorang hamba sahaya."

٥٧. وَأَخْرَجَ الْخَطِيْبُ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللّٰهَ لَيُدْخِلَ بِالسَّهْمِ الْوَاحِدِ الْجَنَّةَ ثَلَاثَةً صَانِعَهُ مُحْتَسِبًا صَنْعَتَهُ وَالرَّامِي بِهِ وَالْمُقَوِّي بِهِ.

Diriwayatkan oleh al-Khatib daripada Sayyidina Abu Hurairah ﷺ beliau berkata, Rasulullah ﷺ, "Sesungguhnya Allah ﷻ akan memasukkan tiga orang ke dalam syurga dengan sebab satu anak panah, orang yang membuatnya kerana mengharapkan pahala daripada apa yang dia buat, orang yang memanahnya, dan orang yang menguatkan (membantu) dengannya."

فضيلة الفروسية

FAḌILAT BERKUDA

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيد الأنبياء والمرسلين نبينا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم ، أما بعد : فهذا كتيب حوى آيات قرآنية وأحاديث نبوية عن فضل الرمي والفروسية أفردته من تفسير الإمام الحافظ جلال الدين السيوطي الموسوم بالدر المنثور في التأويل بالمأثور وعليه زيادات وتعليقات يسيرة ورقمته وقسمته إلى ثلاثة أبواب : الأول : في فضل الرمي، والثاني : في فضل رباط الخيل والفروسية والثالث : في بعض مسائل وأحكام شرعية تتعلق بالخيل، والله أستعينه وأستمده وأسأله الإخلاص فيه ويجعله ذخرا لي يوم لقائه وأن يتمم علي النعمة في قبوله وتعميم النفع به الخاصة والعامة إنه ولي ذلك والقادر عليه بمنه ولطفه وجوده وإحسانه . وهذا أوان الشروع في المقصود :

الباب الثاني في: فضل رباط الخيل والفروسية

BAB KEDUA
Memelihara Kuda dan Keutamaan Berkuda

أول من ركب الخيل

Orang Yang Pertama Menunggang Kuda

٥٨. وَأَخْرَجَ الْوَاقِدِيُّ عَنْ مُسْلِمِ بْنِ جُنْدُبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أَوَّلُ مَنْ رَكِبَ الْخَيْلَ إِسْمَاعِيْلُ بْنُ إِبْرَاهِيْمَ عَلَيْهِمَا السَّلَامُ، وَإِنَّمَا كَانَتْ وَحْشاً لَا تُطَاقُ حَتَّى سُخِّرَتْ لَهُ.[٤]

Diriwayatkan oleh al-Waqidi daripada Muslim bin Jundub beliau berkata, "Orang yang pertama menunggang kuda ialah Nabi Ismail bin Ibrahim ﵉, dan dulu kuda itu bersifat liar, tidak boleh ditundukkan sehingga akhirnya Allah ﷻ tundukkannya kepada Nabi Ismail ﵇."

[٤] وفي الأوائل للعسكري (١: ١٣١) أول من ركب الخيل إسماعيل عليه السلام وكانت الخيل قبل ذلك وحشاً، فأخذها وصنعها، فأنست وتعلم ولده صنعتها منه، فبقي علمه فيهم، ولهذا اختصت العرب بالمعرفة بها، وهي مما يمتدح بارتباطها. وفي صبح الأعشى - (١: ١٧٦) أول من ركب الخيل إسماعيل عليه السلام، وكانت قبله وحوشاً لا تركب فراضها وركبها، وتعلم بنوه رياضتها منه، فصارت فيهم إلى الآن. ولذلك العرب أعرف الناس بالخيل. و هو أول من ميز بني العتاق منها والهجن في سهام أصحابها، فسبقت العتاق الهجن.

تسخير الخيل لإسماعيل عليه السلام

Kuda Ditundukkan Kepada Nabi Ismail ﷺ

٥٩. وَأَخْرَجَ الزُّبَيْرُ بْنُ بَكَّارٍ فِي الْأَنْسَابِ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ كَانَتِ الْخَيْلُ وَحْشاً لاَ تُطَاقُ حَتَّى سُخِّرَتْ لَهُ.

Diriwayatkan oleh Zubair bin Bakkar dalam kitab 'al-Ansab' daripada Sayyidina Ibnu Abbas ؓ beliau berkata, "Dahulu kuda itu bersifat liar tidak boleh dikendalikan hinggalah ditundukkan kepada Nabi Ismail ﷺ."

٦٠. وَأَخْرَجَ الزُّبَيْرُ بْنُ بَكَّارٍ فِي الْأَنْسَابِ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ كَانَتِ الْخَيْلُ وَحْشاً لاَ تُرْكَبُ فَأَوَّلُ مَنْ رَكِبَهَا إِسْمَاعِيلُ عَلَيْهِ السَّلاَمُ فَبِذَلِكَ سُمِّيَتِ الْعِرَابُ.

Diriwayatkan oleh Zubair bin Bakar dalam kitab 'al-Ansab' daripada Sayyidina Ibnu Abbas ؓ beliau berkata, "Dahulu kuda itu liar tidak mungkin dikendalikan, maka orang pertama yang menungganginya ialah Nabi Ismail ﷺ, kerana sebab itulah dinamakan kuda."

ميراث إسماعيل

Warisan Nabi Ismail ﷺ

٦١. وَأَخْرَجَ أَحْمَدُ بْنُ سُلَيْمَانَ وَالنَّجَّادُ فِي جُزْئِهِ الْمَشْهُورِ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ كَانَتِ الْخَيْلُ وَحْشاً كَسَائِرِ الْوُحُوشِ فَلَمَّا أَذِنَ اللهُ

تَعَالَى لِإِبْرَاهِيْمَ وَإِسْمَاعِيْلَ بِرَفْعِ الْقَوَاعِدِ مِنَ الْبَيْتِ قَالَ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ إِنِّي مُعْطِيْكُمَا كَنْزاً اِدَّخَرْتُهُ لَكُمَا ثُمَّ أَوْحَى اللهُ إِلَى إِسْمَاعِيْلَ عَلَيْهِ السَّلاَمُ أَنِ اخْرُجْ فَادْعُ بِذَلِكَ الْكَنْزَ فَخَرَجَ إِسْمَاعِيْلُ عَلَيْهِ السَّلاَمُ إِلَى أَجْنَادَ وَكَانَ مَوْطِناً مِنْهُ وَمَا يَدْرِي مَا الدُّعَاءُ وَلاَ الْكَنْزُ فَأَلْهَمَهُ اللهُ الدُّعَاءَ فَلَمْ يَبْقَ عَلَى وَجْهِ الْأَرْضِ فَرَسٌ إِلاَّ أَجَابَتْهُ فَأَمْكَنَتْهُ مِنْ نَوَاصِيْهَا وَذَلَّلَهَا لَهُ فَارْكَبُوْهَا وَأَعِدُّوْهَا فَإِنَّهَا مَيَامِيْنُ وَإِنَّهَا مِيْرَاثُ أَبِيْكُمْ إِسْمَاعِيلَ عَلَيْهِ السَّلاَمُ.

Diriwayatkan oleh Ahmad bin Sulaiman dan Najjad pada bahagian Juznya yang masyhur, daripada Sayyidina Ibnu Abbas ﵁, beliau berkata, "Dahulu kuda adalah binatang liar seperti binatang-binatang liar lainnya. Maka ketika Allah ﷻ memerintahkan kepada Nabi Ibrahim ﵇ dan Nabi Ismail ﵇ untuk membangunkan asas Baitullah, maka Allah ﷻ berfirman, "Sesungguhnya Aku akan memberikan suatu khazanah kepada kamu berdua yang telah Aku simpan (untuk kamu berdua.)" Kemudian Allah ﷻ mewahyukan kepada Nabi Ismail ﵇, "Keluarlah dan panggillah khazanah tersebut! Maka Nabi Ismail ﵇ pergi ke suatu tempat yang bernama Ajnad dan khazanah itu berada di tempat tersebut, tetapi beliau tidak tahu apa panggilan dan khazanah tersebut. Lalu Allah ﷻ mengilhamkan kepada Nabi Ismail ﵇ panggilannya, maka tidak ada seekor kuda dipermukaan bumi melainkan mereka menjawab dan menyerahkan diri dengan patuh kepada Nabi Ismail ﵇, lalu Allah ﷻ menundukkannya bagi Nabi Ismail ﵇. Maka tunggang

dan siapkanlah kuda, kerana kuda mempunyai keberkahan dan ia adalah warisan nenek moyangmu Nabi Ismail ﷺ.

الخيل عز لصاحبه

Kuda Adalah Kebanggaan Bagi Pemiliknya

٦٢. وَأَخْرَجَ الثَّعْلَبِيُّ عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا أَرَادَ اللهُ أَنْ يَخْلُقَ الْخَيْلَ قَالَ لِلرِّيْحِ الْجَنُوْبِ إِنِّي خَالِقٌ مِنْكِ خَلْقاً فَأَجْعَلُهُ عِزًّا لِأَوْلِيَائِي وَمُذِلَّةً عَلَى أَعْدَائِي وَجَمَالًا لِأَهْلِ طَاعَتِي فَقَالَتِ الرِّيْحُ اُخْلُقْ فَقَبَضَ مِنْهَا قَبْضَةً فَخَلَقَ فَرَساً فَقَالَ لَهُ خَلَقْتُكَ عَرَبِيًّا وَجَعَلْتُ الْخَيْرَ مَعْقُوداً[٥] بِنَاصِيَتِكَ وَالْغَنَائِمَ مَجْمُوْعَةً[٦] عَلَى ظَهْرِكَ عَطَفْتُ عَلَيْكَ صَاحِبَكَ وَجَعَلْتُكَ تَطِيْرُ بِلاَ جَنَاحٍ فَأَنْتَ لِلطَّلَبِ وَأَنْتَ لِلْهَرَبِ وَسَأَجْعَلُ عَلَى ظَهْرِكَ رِجَالاً يُسَبِّحُوْنِي وَيَحْمَدُوْنِي وَيُهَلِّلُوْنِي تُسَبِّحن إِذَا سَبَّحُوا وَتُهَلِّلن إِذَا هَلَّلُوْا وَتُكَبِّرن إِذَا كَبَّرُوْا . فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا مِنْ تَسْبِيْحَةٍ أَوْ تَحْمِيدَةٍ أَوْ تَكْبِيْرَةٍ يُكَبِّرُهَا صَاحِبُهَا فَتَسْمَعُهُ اِلاَّ تُجِيْبُهُ بِمِثْلِهَا ثُمَّ قَالَ سَمِعَتِ الْمَلاَئِكَةُ صَنْعَةَ الْفَرَسِ وَعَايَنُوْا خَلْقَهَا قَالَتْ رَبِّ نَحْنُ مَلاَئِكَتُكَ نُسَبِّحُكَ وَنَحْمَدُكَ فَمَاذَا لَنَا؟ فَخَلَقَ اللهُ لَهَا خَيْلًا بَلْقًا أَعْنَاقُهَا كَأَعْنَاقِ الْبُخْتِ فَلَمَّا أَرْسَلَ اللهُ الْفَرَسَ

[٥] **معقودا**: ملازما العظمة لأبي الشيخ الأصبهاني (٣: ٢٩٥، رقم ١٢٤٤).
[٦] في النسخة المطبوعة (مُحَازَةٌ) العظمة (٣: ٢٩٥)

إِلَى الْأَرْضِ وَاسْتَوَتْ قَدَمَاهُ عَلَى الْأَرْضِ صَهَلَ فَقِيْلَ بُوْرِكْتَ مِنْ دَابَّةٍ أُذِلُّ بِصَهِيْلِكَ الْمُشْرِكِيْنَ أُذِلُّ بِهِ أَعْنَاقَهُمْ وَأَمْلَأُ بِهِ آذَانَهُمْ وَأُرْعِبُ بِهِ قُلُوْبَهُمْ فَلَمَّا عَرَضَ اللهُ عَلَى آدَمَ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ قَالَ لَهُ اِخْتَرْ مِنْ خَلْقِي مَا شِئْتَ؟ فَاخْتَارَ الْفَرَسَ قَالَ لَهُ اِخْتَرْتَ لِعِزِّكَ وَعِزِّ وَلَدِكَ خَالِداً مَا خَلَدُوْا وَبَاقِياً مَا بَقَوا بَرَكَتِي عَلَيْكَ وَعَلَيْهِمْ مَا خَلَقْتُ خَلْقاً أَحَبَّ إِلَيَّ مِنْكَ وَمِنْهُمْ. (٤: ٤٧٧) (رَوَاهُ أَبُو الشَّيْخِ فِي الْعَظَمَةِ (٥ : ١٧٧٧) ١٢٧٩١ ٩ - ١)

Diriwayatkan oleh aś-Śa`labi daripada Sayyidina `Ali ﷺ, beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Ketika Allah ﷻ ingin menciptakan kuda, maka **Dia** berfirman kepada angin selatan, *"Sesungguhnya aku akan menciptakan suatu makhluk daripada kamu, maka jadikanlah dia sebagai kemuliaan terhadap wali-wali-Ku, kehinaan bagi musuh-musuh-Ku, dan keindahan bagi orang-orang yang taat kepada-Ku."* Angin selatan berkata, "Ciptakanlah (wahai Allah)! Lalu diambillah satu genggam daripada angin tersebut, maka Allah ﷻ ciptakannya menjadi seekor kuda. Allah ﷻ berfirman kepadanya, *"Aku ciptakan kamu berkebangsaan Arab, Aku jadikan kebaikan selalu terikat di ubun-ubunmu, harta rampasan perang terkumpul di belakangmu, Aku jadikan pemilikmu bersikap lemah-lembut terhadapmu, dan Aku jadikan engkau terbang tanpa sayap (kerana larinya sangat cepat), kamu bisa mengejar musuh dan lari dari kepungannya. Dan Aku akan jadikan orang-orang yang menunggangmu bertasbih, bertahmid dan bertahlil kepada-Ku, engkau bertasbih ketika mereka bertasbih, engkau bertahlil*

ketika mereka bertahlil, dan engkau juga bertakbir ketika mereka bertakbir." Maka Rasulullah ﷺ bersabda, *"Tidak ada daripada tasbih, tahmid, dan takbir yang dibaca oleh penunggang kuda lalu didengar olehnya (kuda) kecuali kuda-kuda tersebut juga membaca seperti yang mereka baca."* Kemudian Rasulullah ﷺ bersabda, "Para malaikat mendengar tentang penciptaan kuda dan mereka melihatnya, lalu mereka bertanya, 'Ya Rabb, kami adalah para malaikat-Mu yang selalu bertasbih dan bertahmid kepada-Mu, maka apa yang kami dapatkan?' Maka Allah ﷻ menciptakan kuda yang bertelau-telau[7] dan lehernya seperti leher unta (panjang). Ketika Allah ﷻ menurunkan kuda ke bumi dan kedua kakinya menginjak bumi maka ia langsung meringkik, lalu dikatakan (kepadanya), "Kamu dijadikan binatang yang diberkahi, Aku selalu hinakan dengan ringkikanmu orang-orang musyrik dan menundukkan mereka, Aku penuhi telinga-telinga mereka dengan ringkikanmu dan Aku masukkan rasa takut dalam hati-hati mereka." Ketika Allah ﷻ memperlihatkan semua benda kepada Nabi Adam ﷺ, Allah berfirman, *"Pilihlah daripada makhluk-Ku yang engkau mahu?"* Maka Nabi Adam ﷺ memilih kuda, Allah berfirman, *"Engkau telah memilih sesuatu yang padanya terdapat kemuliaanmu dan kemuliaan keturunanmu, kuda itu akan kekal selama mereka masih kekal dan akan tetap ada selama manusia masih ada. Keberkahan-Ku terlimpah padamu dan terhadap mereka. Aku tidak pernah menciptakan makhluk yang paling*

[7] berbelang-belang dgn warna yg lebih muda, bertompok-tompok: langit cerah biru pucat dgn awan ~ putih berserakan – Kamus Dewan Edisi Keempat.

Aku cintai daripada engkau dan mereka (kuda)." (Abu Syaikh meriwayatkan hadiś ini dalam kitab al-'Aẓamah).

٦٣. وَأَخْرَجَ أَبُو الشَّيْخِ فِي الْعَظَمَةِ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا . مِثْلَهُ سَوَاءً .

Diriwayatkan oleh Abus Syaikh dalam kitab al-'Aẓamah daripada Sayyidina Ibnu 'Abbas ﷺ dengan lafaz hadiś yang sama.

أنواع الخيل
Jenis-jenis Kuda

وَأَخْرَجَ مَالِكٌ وَالْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ وَالْبَيْهَقِيُّ فِي شُعَبِ الْإِيْمَانِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اَلْخَيْلُ لِثَلَاثَةٍ لِرَجُلٍ أَجْرٌ وَلِرَجُلٍ سِتْرٌ وَعَلَى رَجُلٍ وِزْرٌ. فَأَمَّا الَّذِي هِيَ لَهُ أَجْرٌ فَرَجُلٌ رَبَطَهَا فِي سَبِيْلِ اللهِ[٨] فَأَطَالَ لَهَا فِي مَرْجٍ[٩] أَوْ رَوْضَةٍ، فَمَا أَصَابَتْ فِي طَيْلِهَا[١٠] ذَلِكَ مِنَ الْمَرجِ أَوِ الرَّوْضَةِ كَانَ لَهُ حَسَنَاتٌ، وَلَوْ أَنَّهَا قَطَعَتْ طَيْلَهَا فَاسْتَنَّتْ[١١] شَرَفًا[١٢] أَوْ شَرَفَيْنِ كَانَتْ آثَارُهَا وَأَرْوَاثُهَا

---

[٨] قَوْلُه صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ (رَبَطَهَا فِي سَبِيلِ اللهِ) أَيْ أَعَدَّهَا لِلْجِهَادِ، وَأَصْلُه مِنَ الرَّبْطِ، وَمِنْهُ الرِّبَاطُ، وَهُوَ حَبْسُ الرَّجُلِ نَفْسَهُ فِي الثَّغْرِ وَإِعْدَادُهُ الْأُهْبَةَ لِذَلِكَ. شرح النووي على مسلم (٣: ٤٢٢).

[٩] المرج: الأرض الواسعة ذات الكلأ والماء . هامش المعجم الأوسط للطبراني - (ج ٥ / ص ١٠٨)

[١٠] طِيَلُهَا: بِالْيَاءِ، كَذَا جَاءَ فِي الْمُوَطَّإِ، وَالطِّوَلُ وَالطِّيَلُ: الْحَبْلُ الَّذِي تُرْبَطُ فِيهِ. شرح النووي على مسلم (٣: ٤٢٢)

[١١] مَعْنَى اِسْتَنَّتْ: أَيْ جَرَتْ . شرح النووي على مسلم (٣: ٤٢٢)

حَسَنَاتٍ لَهُ، وَلَوْ أَنَّهَا مَرَّتْ بِنَهَرٍ فَشَرِبَتْ مِنْهُ وَلَمْ يُرِدْ أَنْ يَسْقِيَهَا كَانَ ذَلِكَ حَسَنَاتٍ لَهُ فَهِيَ لِذَلِكَ أَجْرٌ . وَرَجُلٌ رَبَطَهَا تَغَنِّياً ثُمَّ لَمْ يَنْسَ حَقَّ اللّٰهِ فِي رِقَابِهَا وَلاَ ظُهُوْرِهَا[13] فَهِيَ لِذَلِكَ سِتْرٌ. وَرَجُلٌ رَبَطَهَا فَخْراً وَرِيَاءً[14] وَنِوَاءً[15] لِأَهْلِ الإِسْلاَمِ فَهِيَ عَلَى ذَلِكَ وِزْرٌ.

Diriwayatkan oleh Imam Malik, Bukhari, Muslim dan Baihaqi dalam kitab ‘Syu‘ab ul-Iman’ daripada Sayyidina Abu Hurairah ﷺ, bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda, “Kuda itu untuk tiga (jenis orang); (pertama) bagi seorang lelaki sebagai pahala, (kedua) sebagai penutup (keperluan), dan (yang ketiga) sebagai dosa. Adapun kuda yang menjadi pahala ialah seseorang yang memeliharanya di jalan Allah, lalu dia memanjangkan tali baginya di padang rumput atau taman. Maka semua apa yang disentuh oleh talinya di padang rumput atau taman tersebut akan

---

(12) الشرف المكان المرتفع. هامش دلائل النبوة للبيهقي (٤: ٢٦٢) قال النووي : وَالشَّرَف بِفَتْحِ الشِّين الْمُعْجَمَة وَالرَّاء - وَهُوَ الْعَالِي مِنْ الْأَرْض، وَقِيلَ : الْمُرَاد هُنَا طَلْقًا أَوْ طَلْقَيْنِ. شرح النووي على مسلم (٣: ٤٢٢)

(13) قوله صَلَّى اللَّه عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْخَيْل (ثُمَّ لَمْ يَنْسَ حَقّ اللَّه فِي ظُهُورهَا وَلَا رِقَابهَا) اِسْتَدَلَّ بِهِ أَبُو حَنِيفَة عَلَى وُجُوب الزَّكَاة فِي الْخَيْل ، وَمَذْهَبه أَنَّهُ إِنْ كَانَتْ الْخَيْل كُلّهَا ذُكُورًا فَلَا زَكَاة فِيهَا، وَإِنْ كَانَتْ إِنَاثًا، أَوْ ذُكُورًا وَإِنَاثًا وَجَبَتْ الزَّكَاة ، وَهُوَ بِالْخِيَارِ إِنْ شَاءَ أَخْرَجَ عَنْ كُلّ فَرَس دِينَارًا، وَإِنْ شَاءَ قَوَّمَهَا وَأَخْرَجَ رُبْع عُشْر الْقِيمَة . وَقَالَ مَالِك وَالشَّافِعِيّ وَجَمَاهِير الْعُلَمَاء : لَا زَكَاة فِي الْخَيْل بِحَالٍ لِلْحَدِيثِ السَّابِق (لَيْسَ عَلَى الْمُسْلِم فِي فَرَسه صَدَقَة) وَتَأَوَّلُوا هَذَا الْحَدِيث عَلَى أَنَّ الْمُرَاد أَنَّهُ يُجَاهِد بِهَا ، وَقَدْ يَجِب الْجِهَاد بِهَا إِذَا تَعَيَّنَ ، وَقِيلَ : يُحْتَمَلُ أَنَّ الْمُرَاد بِالْحَقِّ فِي رِقَابهَا الْإِحْسَان إِلَيْهَا ، وَالْقِيَام بِعَلَفِهَا وَسَائِر مُؤَنهَا . وَالْمُرَاد بِظُهُورِهَا : إِطْرَاق فَحْلهَا إِذَا طُلِبَتْ عَارِيَته ، وَهَذَا عَلَى النَّدْب . وَقِيلَ : الْمُرَاد حَقّ اللَّه مِمَّا يَكْسِب مِنْ مَال الْعَدُوّ عَلَى ظُهُورهَا وَهُوَ خُمُس الْغَنِيمَة . شرح النووي على مسلم (٣: ٤٢٢) .

(14) الرياء إظهار العمل للناس ليروه ويظنوا به خيرا. هامش المعجم الأوسط للطبراني (٥: ١٠٨).

(15) قوله صَلَّى اللَّه عَلَيْهِ وَسَلَّمَ (وَنِوَاء لِأَهْلِ الْإِسْلَام) هُوَ بِكَسْرِ النُّون وَبِالْمَدِّ أَيْ مُنَاوَأَة وَمُعَادَاة شرح النووي على مسلم (٣: ٤٢٢)

menjadi pahala baginya. Jika kuda tersebut memutuskan talinya kemudian ia lari ke gunung atau lebih, maka bekas jejak dan kotorannya akan menjadi pahala bagi pemiliknya. Dan jika ia melewati sungai kemudian ia minum daripadanya padahal pemiliknya tidak bermaksud untuk memberikan minum, maka itu juga menjadi pahala baginya. Dan seseorang yang memeliharanya untuk kekayaan agar terpelihara daripada meminta kepada orang lain namun ia tidak melupakan hak Allah ﷻ baik dalam perawatannya (kuda) mahupun untuk mengawankannya (ketika diperlukan), maka kuda yang demikian ini akan menjadi penutup (keperluan) baginya. Seseorang yang memeliharanya untuk menyombongkan diri, riyak (menunjuk-nunjuk) dan memusuhi orang Islam, maka kuda yang seperti ini akan menjadi dosa bagi pemiliknya.

٦٤. وَأَخْرَجَ ابْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَمُسْلِمٌ وَالْبَيْهَقِيُّ فِي الشُّعَبِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اَلْخَيْلُ مَعْقُوْدٌ فِي نَوَاصِيْهَا[١٦] الْخَيْرُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَالْخَيْلُ ثَلاَثَةٌ خَيْلٌ أَجْرٌ، وَخَيْلٌ وِزْرٌ وَخَيْلٌ سِتْرٌ. فَأَمَّا خَيْلٌ سِتْرٌ فَمَنِ اتَّخَذَهَا تَعَفُّفًا وَتَكَرُّمًا وَتَجَمُّلاً وَلَمْ يَنْسَ حَقَّ بُطُوْنِهَا وَظُهُوْرِهَا فِي عُسْرِهِ وَيُسْرِهِ، وَأَمَّا خَيْلُ الْأَجْرِ فَمَنِ ارْتَبَطَهَا فِي سَبِيْلِ اللهِ فَإِنَّهَا لاَ تُغَيِّبُ فِي بُطُوْنِهَا شَيْئاً إِلاَّ كَانَ لَهُ أَجْرٌ حَتَّى ذَكَرَ أَرْوَاثَهَا وَأَبْوَالَهَا، وَلاَ تَعْدُوْ فِي وَادٍ شَوْطاً أَوْ شَوْطَيْنِ إِلاَّ كَانَ فِي مِيْزَانِهِ،

[١٦] الناصية مقدم الرأس والمراد ملازمة الخير لنواصي الخيل حيثما توجهت. هامش المعجم الأوسط للطبراني (٥: ١٠٨)

وَأَمَّا خَيْلُ الْوِزْرِ فَمَنْ ارْتَبَطَهَا تَبَذُّخًا عَلَى النَّاسِ فَإِنَّهَا لاَ تُغَيِّبُ فِي بُطُوْنِهَا شَيْئاً إِلاَّ كَانَ وِزْرٌ عَلَيْهِ حَتَّى ذَكَرَ أَرْوَاثَهَا وَأَبْوَالَهَا، وَلاَ تَعْدُوْ فِي وَادٍ شَوْطاً أَوْ شَوْطَيْنِ إِلاَّ كَانَ عَلَيْهِ وِزْرٌ.

Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah dan Muslim begitu juga Baihaqi dalam kitab Syu'ab ul-Iman daripada Sayyidina Abu Hurairah ﷺ beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Kebaikan akan selalu terikat di ubun-ubun kuda sampai hari kiamat, dan kuda terbahagi kepada tiga; kuda yang menjadi pahala, kuda yang menjadi dosa dan kuda yang menjadi penutup keperluan. Adapun kuda yang menjadi penutup keperluan adalah orang yang menjadikannya untuk menjaga diri daripada minta-minta, sebagai kemuliaan dan keindahan. Dia juga tidak melupakan hak perut dan belakang kuda baik pada waktu susah mahu pun pada waktu senang. Adapun kuda yang menjadi pahala adalah orang yang memeliharanya di jalan Allah. Maka tidaklah kuda tersebut memakan sesuatu kecuali orang itu akan mendapatkan pahala sehingga Baginda ﷺ menyebutkan tahi dan air kencingnya. Dan ia tidak berlari di satu lembah baik satu atau dua pusingan yang ditempuhnya kecuali akan dikira dalam timbangan pahalanya. Adapun kuda yang menjadi dosa adalah orang yang memeliharanya untuk menyombongkan diri[17] terhadap orang lain, maka tidak ada makanan yang dimakan kuda tersebut kecuali akan menjadi dosa bagi pemiliknya, hingga Nabi ﷺ menyebutkan tahi dan air kencingnya. Dan tidaklah kuda

[17] Kesombongan dengan disertai pembanggaan diri dan pamer kekayaan di hadapan orang-orang miskin dan lemah. (al-Munżiri dalam at-Targhib: 2: 166, Hadis: 1947)

tersebut berlari di suatu lembah, satu atau dua pusingan melainkan dikira sebagai dosanya.

في نواصي الخيل خير
Kebaikan Pada Ubun-ubun Kuda

٦٥. وَأَخْرَجَ مَالِكٌ وَأَحْمَدُ بْنُ حَنْبَلَ وَالطَّيَالِسِيُّ وَابْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَالْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ وَالنَّسَائِيُّ وَابْنُ مَاجه وَابْنُ حِبَّانَ عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اَلْخَيْلُ مَعْقُوْدٌ فِي نَوَاصِيْهَا الْخَيْرُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

Diriwayatkan oleh Malik, Ahmad bin Hanbal, at-Ṭoyalisi, Ibnu Abi Syaibah, Bukhari, Muslim, Nasa'i, Ibnu Majah dan Ibnu Hibban daripada Sayyidina Ibnu Umar ﷺ bahwa Rasulullah ﷺ bersabda, "Kebaikan akan selalu terikat di ubun-ubun kuda sampai hari kiamat."

٦٦. وَأَخْرَجَ ابْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَالْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ وَالتِّرْمِذِيُّ وَالنَّسَائِيُّ وَابْنُ مَاجَةَ عَنْ عُرْوَةَ الْبَارِقِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اَلْخَيْلُ مَعْقُوْدٌ فِي نَوَاصِيْهَا الْخَيْرُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ. قِيْلَ يَا رَسُوْلَ اللهِ وَمَا ذَاكَ؟ قَالَ اَلْأَجْرُ وَالْغَنِيْمَةُ.

Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah, Bukhari, Muslim, Tirmiżi, Nasa'i dan Ibnu Majah daripada Sayyidina 'Urwah al-Bạriqi ﷺ bahwa Nabi ﷺ bersabda, "Kebaikan akan selalu terikat di ubun-ubun kuda sampai hari kiamat." Rasulullah ﷺ ditanya, "Ya

Rasulullah, apakah itu?" Baginda ﷺ menjawab, "Pahala dan harta rampasan perang."

مسح ناصية الفرس

Membelai Ubun-ubun Kuda

٦٧. وَأَخْرَجَ ابْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَمُسْلِمٌ عَنْ جَرِيْرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَلْوِي نَاصِيَةَ فَرَسِهِ بِإِصْبَعِهِ وَيَقُوْلُ: اَلْخَيْرُ مَعْقُوْدٌ بِنَوَاصِي الْخَيْلِ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ. (٤: ٤٧٨)

Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah dan Muslim daripada Sayyidina Jarir bin Abdullah ؓ, beliau berkata, "Aku melihat Rasulullah ﷺ membelai ubun-ubun kuda dengan jari Baginda seraya bersabda, "Kebaikan akan selalu terikat di ubun-ubun kuda sampai hari kiamat."

٦٨. وَأَخْرَجَ النَّسَائِيُّ وَأَبُو مُسْلِمٍ الْكَشِّيُّ فِي سُنَنِهِ عَنْ سَلَمَةَ بْنِ نُفَيْلٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اَلْخَيْلُ مَعْقُوْدٌ فِي نَوَاصِيْهَا الْخَيْرُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ، قِيْلَ يَا رَسُوْلَ اللهِ وَمَا ذَاكَ؟ قَالَ اَلْأَجْرُ وَالْغَنِيْمَةُ.

Diriwayatkan oleh Nasa'i dan Abu Muslim al-Kassyi dalam Sunannya daripada Sayyidina Salamah bin Nufail ؓ bahwa Nabi ﷺ bersabda, "Kebaikan selalu terikat di ubun-ubun kuda sampai hari kiamat." Rasulullah ﷺ ditanya, "Wahai Rasulullah, apakah itu?" Baginda menjawab, "Pahala dan harta rampasan perang."

صاحب الخيل معانون عليها

Pemilik Kuda Ditolong Kerananya

٦٩. وَأَخْرَجَ الطَّبَرَانِيُّ وَالآجُرِّي فِي كِتَابِ النَّصِيْحَةِ عَنْ أَبِي كَبْشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اَلْخَيْلُ مَعْقُوْدٌ فِي نَوَاصِيْهَا الْخَيْرُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَأَهْلُهَا مُعَانُوْنَ عَلَيْهَا وَالْمُنْفِقُ عَلَيْهَا كَالْبَاسِطِ يَدِهِ بِالصَّدَقَةِ.

Diriwayatkan oleh Ṭabarani dan Ajurri dalam kitab 'an-Naṣihah' daripada Sayyidina Abu Kabsyah ﷺ, beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Kebaikan selalu terikat di ubun-ubun kuda sampai hari kiamat. Pemiliknya selalu mendapatkan pertolongan kerananya, dan orang yang menafkahi kuda seperti orang yang selalu membuka tangannya untuk bersedekah."

٧٠. وَأَخْرَجَ الطَّبَرَانِيُّ عَنْ سَوَادَةَ بِنِ الرَّبِيْعِ الْجَرْمِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ أَتَيْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَمَرَنِي بِذَوْدٍ، وَقَالَ عَلَيْكَ بِالْخَيْلِ فَإِنَّ الْخَيْلَ مَعْقُوْدٌ فِي نَوَاصِيْهَا الْخَيْرُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

Diriwayatkan oleh Imam at-Ṭabarani daripada Sawadah bin Rabi' al-Jarmi beliau berkata, "Aku pergi berjumpa Rasulullah ﷺ, maka Baginda ﷺ memerintahkan daku agar diberi seekor unta. Baginda ﷺ juga bersabda, "Engkau juga perlu mempunyai kuda, kerana sesungguhnya pada ubun-ubunnya terikat berbagai kebaikan hingga hari kiamat."

نواصي الخيل دفاؤها

Ubun-ubun Kuda Adalah Penghangatnya

٧١. وَأَخْرَجَ الطَّبَرَانِيُّ عَنْ أَبِي أُمَامَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اَلْخَيْلُ فِي نَوَاصِيْهَا الْخَيْرُ وَالْمَغْنَمُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَنَوَاصِيْهَا دِفَاؤُهَا[١٨] وَأَذْنَابُهَا مَذَابُّهَا.

Diriwayatkan oleh Imam at-Ṭabarani daripada Sayyidina Abu Umamah ﵁ beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Pada ubun-ubun kuda terdapat berbagai kebaikan dan harta rampasan hingga hari kiamat, bulu pada ubun-ubunnya adalah penghangat baginya dan ekornya adalah pengibas yang melindunginya."

أجر الإنفاق على الخيل

Pahala Membelanjakan Harta Untuk Kuda

٧٢. وَأَخْرَجَ ابْنُ سَعْدٍ فِي الطَّبَقَات وَابْنُ مَنْدَهْ فِي الصَّحَابَةِ عَنْ يَزِيْدَ بْنِ عَبْدِ اللهِ بْنِ غَرِيْبٍ الْمُلَيْكِيِّ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اَلْخَيْلُ مَعْقُوْدٌ فِي نَوَاصِيْهَا الْخَيْرُ وَالنَّيْلُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَة، وَأَهْلُهَا مُعَانُوْنَ عَلَيْهَا، وَالْمُنْفِقُ عَلَيْهَا كَبَاسِطِ كَفَيْهِ فِي الصَّدَقَةِ لاَ يَقْبِضُهَا، وَأَبْوَالُهَا وَأَرْوَاثُهَا عِنْدَ اللهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ كَذَكِيِّ الْمِسْكِ.

Diriwayatkan oleh Ibnu Sa'ad dalam kitab 'at-Ṭabaqat' dan Ibnu Mandah dalam kitab 'as-Ṣahabah' daripada Yazid bin Abdillah

---

[١٨] في الأصل أذناها. والتصويب من الجامع الكبير للسيوطي.

bin Gharib al-Mulaiki daripada bapanya daripada datuknya daripada Nabi ﷺ, Baginda bersabda, "Pada ubun-ubun kuda terdapat berbagai kebaikan dan pencapaian hingga hari kiamat, pemiliknya selalu mendapat pertolongan kerananya, dan orang yang menginfakkan (harta) untuknya seperti orang yang membuka kedua tangannya untuk bersedekah, ia tidak menutupnya, pada hari kiamat nanti air kencing dan kotorannya di sisi Allah seperti wangian kasturi yang sangat harum.

٧٣. وَأَخْرَجَ ابْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَأَحْمَدُ عَنْ أَسْمَاءَ بِنْتِ يَزِيدَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اَلْخَيْلُ مَعْقُودٌ فِي نَوَاصِيهَا الْخَيْرُ أَبَداً إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ. فَمَنْ رَبَطَهَا عُدَّةً فِي سَبِيلِ اللهِ وَأَنْفَقَ عَلَيْهَا احْتِسَاباً فِي سَبِيلِ اللهِ فَإِنَّ شِبَعَهَا وَجُوعَهَا وَرِيَّهَا وَظَمَأَهَا وَأَبْوَالَهَا وَأَرْوَاثَهَا فَلَاحٌ فِي مَوَازِينِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ رَبَطَهَا رِيَاءً وَسُمْعَةً وَفَخْراً وَمَرَحاً فَإِنَّ شِبَعَهَا وَجُوعَهَا وَرِيَّهَا وَظَمَأَهَا وَأَرْوَاثَهَا وَأَبْوَالَهَا خُسْرَانٌ فِي مَوَازِينِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah dan Ahmad daripada Asma binti Yazid ﵂ , bahwasanya Rasulullah ﷺ bersabda, "Pada ubun-ubun kuda terikat banyak kebaikan selamanya sampai hari kiamat. Maka barang siapa yang memeliharanya sebagai persiapan di jalan Allah dan ia memberi infak atasnya kerana mengharap pahala di jalan Allah, maka sesungguhnya, kenyangnya, laparnya, puas dan dahaganya, kencingnya dan kotorannya adalah keuntungan pada timbangan (amalnya) pada hari kiamat. Dan barangsiapa memeliharanya kerana riya (menunjuk-nunjuk), pujian, keangkuhan, dan kesombongan maka sesungguhnya kenyang dan laparnya, puas dan dahaganya,

serta kotoran dan kencingnya merupakan kerugian dalam timbangannya pada hari kiamat.

الدعاء للخيل

Berdoa Untuk Kuda

٧٤. وَأَخْرَجَ أَبُوْ بَكْرِ بْنِ عَاصِمٍ فِي الْجِهَادِ وَالْقَاضِي عُمَرُ بْنُ الْحَسَنِ الْأَشْنَانِيُّ فِي بَعْضِ تَارِيْخِهِ عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اَلْخَيْلُ مَعْقُوْدٌ فِي نَوَاصِيْهَا الْخَيْرُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَأَهْلُهَا مُعَانُوْنَ عَلَيْهَا فَخُذُوا بِنَوَاصِيْهَا وَادْعُوْا بِالْبَرَكَةِ وَقَلِّدُوْهَا وَلاَ تُقَلِّدُوْهَا الْأَوْتَارَ[١٩].

Diriwayatkan oleh Abu Bakar bin 'Aṣim dalam kitab 'al-Jihad', dan Qaḍi Umar bin Hasan al-Asynani dalam sebagian daripada kitab 'Tarikh' beliau daripada Sayyidina 'Ali bin Abi Ṭalib ؓ bahwasanya Rasulullah ﷺ bersabda, "Pada ubun-ubun kuda terikat banyak kebaikan selamanya sampai hari kiamat, dan pemiliknya selalu mendapat pertolongan keranannya. Maka usaplah ubun-ubunnya dan berdoalah dengan minta keberkahan. Dan gunakanlah kuda tersebut untuk menyerbu musuh dan janganlah kalian gunakan untuk membalas dendam.

[١٩] ومن غريب الحديث **قلدوها** أي قلدوها طلب أعداء الدين والدفاع عن المسلمين.**ولا تقلدوها**: أي لا تقلدوها طلب أوتار الجاهلية أي ثأراتهم ودمائهم التي كانت بينهم . جامع الأحاديث - (١١: ٢٦٨) (١٠٧٥٠) .

٧٥. وَأَخْرَجَ أَبُو عُبَيْدَةَ فِي كِتَابِ الْخَيْلِ عَنْ زِيَادِ بْنِ مُسْلِمٍ الْغِفَارِيِّ رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُوْلُ اَلْخَيْلُ ثَلَاثَةٌ، فَمَنِ ارْتَبَطَهَا فِي سَبِيْلِ اللّٰهِ وَجِهَادِ عَدُوِّهِ كَانَ شِبَعُهَا وَجُوْعُهَا وَرِيُّهَا وَعَطَشُهَا وَجَرْيُهَا وَعَرَقُهَا وَأَرْوَاثُهَا وَأَبْوَالُهَا أَجْراً فِي مِيْزَانِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَمَنِ ارْتَبَطَهَا لِلْجَمَالِ فَلَيْسَ لَهُ إِلاَّ ذَاكَ وَمَنِ ارْتَبَطَهَا فَخْراً وَرِيَاءً كَانَ كُلُّ مَا نَصَّ فِي الْأَوَّلِ وِزْراً فِي مِيْزَانِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ. (٤: ٤٧٩)

Diriwayatkan oleh Abu 'Ubaidah dalam kitab 'al-Khail' daripada Ziyad bin Muslim al-Ghifari ﵁ bahawasanya Rasulullah ﷺ bersabda, "Kuda itu ada tiga jenis; (pertama) barang siapa yang menggunakannya di jalan Allah dan untuk berjihad melawan musuh, maka kenyang dan laparnya, puas dan hausnya, larinya, keringatnya, kotoran serta air kencingnya merupakan pahala dalam timbangannya pada hari kiamat. (Kedua) barang siapa yang memeliharanya untuk kecantikan, maka ia tidak akan mendapatkan apapun kecuali itu saja. (Ketiga) barang siapa yang memeliharanya kerana sombong dan riya, maka semua yang disebutkan sebelumnya, adalah merupakan dosa dalam timbangannya pada hari kiamat.

٧٦. وَأَخْرَجَ الطَّبَرَانِيُّ وَالْآجُرِّي فِي الشَّرِيْعَةِ وَالنَّصِيحَةِ عَنْ خَبَّابٍ رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اَلْخَيْلُ ثَلَاثَةٌ: فَفَرَسٌ لِلرَّحْمٰنِ وَفَرَسٌ لِلْإِنْسَانِ وَفَرَسٌ لِلشَّيْطَانِ فَأَمَّا فَرَسُ الرَّحْمٰنِ فَمَا أُعِدَّ فِي سَبِيْلِ اللّٰهِ وَقُوْتِلَ عَلَيْهِ أَعْدَاءُ اللّٰهِ وَأَمَّا فَرَسُ الْإِنْسَانِ فَمَا اسْتُبْطِنَ

وَيُحْمَلُ عَلَيْهِ وَأَمَّا فَرَسُ الشَّيْطَانِ فَمَا قُومِرَ عَلَيْهِ. وَأَخْرَجَهُ ابْنُ أَبِي شَيْبَةَ
عَنْ خَبَّابٍ مَوْقُوفًا.

Diriwayatkan oleh Imam at-Ṭabarani dan Imam al- Ājurri dalam kitab 'as-Syari'ah' dan 'an-Naṣihah' daripada Sayyidina Khabbab ﷺ beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Kuda itu terbahagi kepada tiga; kuda untuk Allah Yang Maha Pengasih, kuda untuk manusia dan kuda untuk syaitan. Adapun kuda untuk Allah Yang Maha Pengasih ialah kuda yang dipersiapkan di jalan Allah dan ditunggang untuk memerangi musuh-musuh Allah. Adapun kuda untuk manusia ialah kuda yang dibiakkan dan ditunggangi. Adapun kuda untuk syaitan ialah kuda yang dijadikan untuk perjudian. (Diriwayatkan juga oleh Ibnu Abi Syaibah daripada Khabbab ﷺ secara mauquf).

٧٧. وَأَخْرَجَ أَحْمَدُ عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْخَيْلُ ثَلَاثَةٌ فَرَسٌ لِلرَّحْمَنِ وَفَرَسٌ لِلإِنْسَانِ وَفَرَسٌ لِلشَّيْطَانِ. فَأَمَّا فَرَسُ الرَّحْمَنِ فَالَّذِي يَرْتَبِطُ فِي سَبِيلِ اللهِ فَعَلَفُهُ وَرَوْثُهُ وَبَوْلُهُ وَذَكَرَ مَا شَاءَ اللهُ وَأَمَّا فَرَسُ الشَّيْطَانِ فَالَّذِي يُقَامِرُ أَيْ يُرَاهِنُ عَلَيْهِ وَأَمَّا فَرَسُ الإِنْسَانِ فَالْفَرَسُ يَرْتَبِطُهَا الإِنْسَانُ يَلْتَمِسُ بَطْنَهَا فَهِيَ سِتْرٌ مِنْ فَقْرٍ.

Diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Sayyidina Ibnu Mas'ud daripada Rasulullah ﷺ Baginda bersabda, "Kuda itu terbahagi kepada tiga; kuda untuk Allah Yang Maha Pengasih, kuda untuk manusia, dan kuda untuk setan. Adapun kuda Allah Yang Maha Pengasih ialah kuda yang dipelihara di jalan Allah ﷻ, maka makanannya, kotorannya, kencingnya dan Rasulullah

ﷺ menyebutkan yang lain-lain. Adapun kuda syaitan ialah kuda yang dijadikan perjudian yang dipertaruhkan. Adapun kuda untuk manusia adalah kuda yang dipelihara untuk diternak, maka itu adalah penutup daripada kefakiran.

٧٨. وَأَخْرَجَ ابْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَأَحْمَدُ مِنْ طَرِيْقِ أَبِي عَمْرٍو الشَّيْبَانِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ رَجُلٍ مِنَ الْأَنْصَارِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اَلْخَيْلُ ثَلَاثَةٌ فَرَسٌ يَرْبِطُهُ الرَّجُلُ فِي سَبِيْلِ اللهِ فَثَمَنُهُ أَجْرٌ وَرِعَايَتُهُ أَجْرٌ وَعَلَفُهُ أَجْرٌ وَفَرَسٌ يُعَالِقُ[20] فِيْهِ الرَّجُلُ وَيُرَاهِنُ فَثَمَنُهُ وِزْرٌ وَعَلَفُهُ وِزْرٌ وَفَرَسٌ لِلْبِطْنَةِ فَعَسَى أَنْ يَكُونَ سَدَدًا مِنَ الْفَقْرِ إِنْ شَاءَ اللهُ تَعَالَى.

Diriwayatkan oleh Imam Ibnu Abi Syaibah dan Imam Ahmad daripada tariq Abu Amr as-Syaibani daripada seorang lelaki daripada kalangan Anṣar, daripada Nabi ﷺ, Baginda bersabda, 'Kuda itu terbahagi kepada tiga; kuda yang dipelihara seseorang di jalan Allah, maka harganya adalah pahala, perawatannya pahala, dan makanannya pahala. Kuda yang ditunggangi seseorang untuk dianggap hebat, pujian dan kesombongan, dan untuk dipertaruhkan, maka harganya adalah dosa dan makannya dosa. Dan kuda untuk diternak, maka insya Allah mudah-mudahan menjadi penutup kefakiran."

---

[20] يعالق عليه : يركبه للابهة والسمعة والكبرياء. هامش مصنف ابن أبي شيبة (٧: ٧٠٥)

٧٩. وَأَخْرَجَ ابْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَالْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ وَالنَّسَائِيُّ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اَلْبَرَكَةُ فِي نَوَاصِي الْخَيْلِ.

Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah, Bukhari, Muslim dan Nasa'i daripada Sayyidina Anas bin Malik ﷺ beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Keberkahan itu terdapat pada ubun-ubun kuda."

الخيل أحب شيء إلى رسول الله

Rasulullah ﷺ Sangat Menggemari Kuda

٨٠. وَأَخْرَجَ النَّسَائِيُّ عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ لَمْ يَكُنْ شَيْءٌ أَحَبَّ إِلَى رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدَ النِّسَاءِ مِنَ الْخَيْلِ.

Diriwayatkan oleh Imam Nasa'i daripada Sayyidina Anas ﷺ beliau berkata, "Tidak ada sesuatu yang lebih disukai oleh Rasulullah ﷺ setelah wanita daripada kuda."

٨١. وَأَخْرَجَ ابْنُ سَعْدٍ وَأَحْمَدُ فِي الزُّهْدِ عَنْ مَعْقِلِ بْنِ يَسَارٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ مَا كَانَ شَيْءٌ أَحَبَّ إِلَى رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ الْخَيْلِ. ثُمَّ قَالَ اَللّٰهُمَّ غُفْرًا إِلَّا النِّسَاءَ.

Diriwayatkan oleh Ibnu Sa'ad dan Ahmad dalam kitab 'az-Zuhd' daripada Ma'qil bin Yasar ﷺ beliau berkata, "Tidak ada sesuatu yang lebih disukai oleh Rasulullah ﷺ daripada kuda." Kemudian Sayyidina Ma'qil ﷺ berkata, "Ya Allah, ampunkan daku, kecuali wanita."

الفرس سترة من النار

Kuda Menjadi Perisai Daripada Api Neraka

٨٢. وَأَخْرَجَ الدِّمْيَاطِيُّ فِي كِتَابِ الْخَيْلِ عَنْ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ مَنْ حَبَسَ فَرَساً فِي سَبِيْلِ اللهِ كَانَ سِتْرَةً مِنَ النَّارِ.

Diriwayatkan oleh Imam Dimyaṭi dalam kitab 'al-Khail' daripada Sayyidina Zaid bin Śabit ﷺ beliau berkata, "Saya pernah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "Barang siapa yang memelihara kuda di jalan Allah, maka itu akan menjadi pelindung baginya dari api neraka."

أبوال الخيل وأرواثها كف من مسك الجنة

Air Kencing dan Najis Kuda Adalah Kasturi Syurga

٨٣. وَأَخْرَجَ ابْنُ أَبِي عَاصِمٍ فِي الْجِهَادِ عَنْ يَزِيْدَ بْنِ عَبْدِ اللهِ بْنِ غَرِيْبٍ الْمُلَيْكِيِّ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْخَيْلِ وَأَبْوَالِهَا وَأَرْوَاثِهَا كَفٌّ مِنْ مِسْكِ الْجَنَّةِ.

Diriwayatkan oleh Ibnu Abi 'Aṣim dalam kitab 'al-Jihad' daripada Yazid bin Abdullah bin Gharib al-Mulaiki daripada ayahnya daripada datuknya ﷺ beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Pada kuda, air kencing serta kotorannya adalah segenggam daripada minyak wangi syurga."

٨٤. وَأَخْرَجَ ابْنُ سَعْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اَلْمُنْفِقُ عَلَى الْخَيْلِ كَبَاسِطِ يَدِهِ بِالصَّدَقَةِ لاَ يَقْبِضُهَا وَأَبْوَالُهَا وَأَرْوَاثُهَا عِنْدَ اللهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ كَذَكِيِّ الْمِسْكِ.

Diriwayatkan oleh Ibnu Sa'ad beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Orang yang membiayai kuda adalah seperti orang yang membuka tangannya dengan sedekah, dia tidak menutupnya, dan kencing serta kotorannya di sisi Allah pada hari kiamat adalah seperti wangi kasturi."

معالجة علف الخيل باليد

Memberi Makan Kepada Kuda Dengan Tangan

٨٥. وَأَخْرَجَ ابْنُ مَاجَهْ[21] وَابْنُ أَبِي عَاصِمٍ عَنْ تَمِيْمٍ الدَّارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ مَنِ ارْتَبَطَ فَرَساً فِي سَبِيْلِ اللهِ ثُمَّ عَالَجَ علفه بِيَدِه كَانَ لَهُ بِكُلِّ حَبَّةٍ حَسَنَةٌ. (٤ : ٤٨٠)

Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan Ibnu Abi 'Aṣim daripada Tamim ad-Dari ﷺ beliau berkata, saya mendengar Rasulullah saw bersabda, "Barang siapa yang memelihara seekor kuda di jalan Allah, kemudian dia memberinya makan dengan tangannya, maka baginya pahala daripada setiap biji makanan yang dia berikan."

[21] سنن ابن ماجه (٢٩٩/٨ رقم ٢٧٨١) تنقية الشعير للفرس

٨٦. وَأَخْرَجَ أَحْمَدُ وَابْنُ أَبِي عَاصِمٍ عَنْ تَمِيْمٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ مَا مِنِ امْرِىءٍ مُسْلِمٍ يُنَقِّي لِفَرَسِهِ شَعِيْراً ثُمَّ يَعْلِفُهُ عَلَيْهِ إِلاَّ كَتَبَ اللهُ تَعَالَى لَهُ بِكُلِّ حَبَّةٍ حَسَنَةً.[٢٢]

Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Ibnu Abi ʻAṣim meriwayatkan daripada Tamim ad-Dari ﷺ beliau berkata, saya mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "Tidaklah seorang Muslim membersihkan gandum untuk kudanya, kemudian dia memberi makan dengannya kepada kuda tersebut melainkan Allah ﷻ akan menuliskan baginya satu pahala daripada setiap biji gandum yang dia berikan."

٨٧. وَأَخْرَجَ ابْنُ مَاجَهْ وَابْنُ أَبِي عَاصِمٍ عَنْ أَبِي بَكْرٍ الصِّدِّيْقِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لاَ يَدْخُلُ الْجَنَّةَ سَيِّءُ الْمَلَكَةِ. قَالُواْ يَا رَسُوْلَ اللهِ أَلَيْسَ أَخْبَرْتَنَا أَنَّ هَذِهِ الْأُمَّةَ أَكْثَرُ الْأُمَمِ مَمْلُوْكِيْنَ وَأَيَامَى؟ قَالَ بَلَى فَأَكْرِمُوْهُمْ بِكَرَامَةِ أَوْلاَدِكُمْ وَأَطْعِمُوْهُمْ مِمَّا تَأْكُلُوْنَ. قَالُوا فَمَا يَنْفَعُنَا فِي الدُّنْيَا؟ قَالَ فَرَسٌ تَرْبُطُهُ تُقَاتِلُ عَلَيْهِ فِي سَبِيْلِ اللهِ وَمَمْلُوْكٌ يَكْفِيْكَ فَإِذَا كَفَاكَ فَهُوَ أَخُوْكَ.

Diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah dan Ibnu Abi ʻAṣim daripada Sayyidina Abu Bakar as-Ṣiddiq beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Tidak akan masuk syurga, orang yang

---

(٢٢) أَخْرَجَ الإِمَامُ أَحْمَدُ عَنْ شُرَحْبِيلَ بْنِ مُسْلِمٍ الْخَوْلَانِيِّ أَنَّ رَوْحَ بْنَ زِنْبَاعٍ زَارَ تَمِيمًا الدَّارِيَّ فَوَجَدَهُ يُنَقِّي شَعِيرًا لِفَرَسِهِ قَالَ وَحَوْلَهُ أَهْلُهُ فَقَالَ لَهُ رَوْحٌ أَمَا كَانَ فِي هَؤُلَاءِ مَنْ يَكْفِيكَ قَالَ تَمِيمٌ بَلَى وَلَكِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ مَا مِنْ امْرِئٍ مُسْلِمٍ يُنَقِّي لِفَرَسِهِ شَعِيرًا ثُمَّ يُعَلِّقُهُ عَلَيْهِ إِلَّا كُتِبَ لَهُ بِكُلِّ حَبَّةٍ حَسَنَةٌ. المسند (٣٤: ٣٠٧، رقم: ١٦٣٤٢).

buruk perangainya." Para sahabat bertanya, "Wahai Rasulullah, bukankah engkau telah mengkhabarkan bahawasanya umat ini adalah umat yang paling banyak memiliki hamba sahaya lelaki dan perempuan?" Baginda bersabda, "Benar, maka muliakanlah mereka sepertimana kamu memuliakan anak kamu dan berikanlah mereka makanan daripada apa-apa yang kamu makan." Para sahabat berkata, "Lalu apa yang dapat memberikan manfaat kepada kami di dunia?" Baginda ﷺ bersabda, "Kuda yang kamu pelihara, yang dengannya kamu berjuang di jalan Allah dan hamba sahaya yang mencukupimu, dan jika dia bisa mencukupi keperluanmu, maka dia adalah saudaramu."

وجوب ارتباط الخيل

Kewajiban Memelihara Kuda

٨٨. وَأَخْرَجَ أَبُو عَبْدِ اللهِ الْحُسَيْنُ بْنُ إِسْمَعِيلَ الْمَحَامِلِيُّ عَنْ سَلْمَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ مَا مِنْ رَجُلٍ مُسْلِمٍ إِلاَّ حَقٌّ عَلَيْهِ أَنْ يَرْتَبِطَ فَرَساً إِذَا أَطَاقَ ذَلِكَ.

Diriwayatkan oleh Abu Abdillah Husain bin Ismail al-Maḥāmilī daripada Sayyidina Salman al-Farisi ؓ beliau berkata, saya mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "Tidaklah ada seorang lelaki muslim, melainkan wajib baginya untuk memelihara seekor kuda jika dia mampu."

٨٩. وَأَخْرَجَ ابْنُ أَبِي عَاصِمٍ عَنْ سَوَادَةَ بْنِ الرَّبِيْعِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اِرْتَبِطُواْ الْخَيْلَ فَإِنَّ الْخَيْلَ فِي نَوَاصِيْهَا الْخَيْرُ.

Ibnu Adi ʻAṣim meriwayatkan daripada Sawadah bin ar Rabiʻ ﷺ beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Ikatlah (peliharalah) olehmu kuda, kerana pada ubun-ubun kuda terdapat kebaikan."

٩٠. وَأَخْرَجَ ابْنُ أَبِي عَاصِمٍ عَنِ ابْنِ الْحَنْظَلِيَّةِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ مَنِ ارْتَبَطَ فَرَساً فِي سَبِيْلِ اللهِ كَانَتِ النَّفَقَةُ عَلَيْهِ كَالْمَادِّ يَدَهُ بِصَدَقَةٍ لاَ يَقْطَعُهَا.

Ibnu Abi ʻAṣim meriwayatkan daripada Ibnu al-Hanẓaliyah ﷺ beliau berkata, "Aku pernah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "Barang siapa yang mengikat (memelihara) kuda di jalan Allah, ia pun menanggung pembiayaan pengurusan kuda tersebut, maka orang itu bagaikan orang yang menghulurkan tangannya dengan bersedekah yang tiada putusnya."

٩١. وَأَخْرَجَ أَبُوْ طَاهِرٍ الْمُخْلِصُ عَنِ ابْنِ الْحَنْظَلِيَّةِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ اَلْخَيْلُ مَعْقُوْدٌ فِي نَوَاصِيْهَا الْخَيْرُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَصَاحِبُهَا يُعَانُ عَلَيْهَا، وَالْمُنْفِقُ عَلَيْهَا كَالْبَاسِطِ يَدَهُ بِالصَّدَقَةِ لاَ يَقْبِضُهَا.

Abu Ṭahir al-Mukhliṣ meriwayatkan daripada Ibnu al-Hanẓaliyah, "Aku pernah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "Kuda itu tersemat kebaikan pada ubun-ubunnya sampai hari

kiamat dan pemiliknya akan mendapatkan pertolongan Allah dalam mengurus kuda tersebut dan orang yang mengurus kuda itu bagaikan orang yang menghamparkan tangannya dengan bersedekah yang tiada terputus."

٩٢. وَأَخْرَجَ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَابْنُ أَبِي عَاصِمٍ وَالْحَاكِمُ عَنِ ابْنِ الْحَنْظَلِيَّةِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الْمُنْفِقَ عَلَى الْخَيْلِ فِي سَبِيْلِ اللهِ كَبَاسِطِ يَدَهُ بِالصَّدَقَةِ لاَ يَقْبِضُهَا.

Imam Ahmad, Abu Daud, Ibnu Abi 'Aṣim dan Hakim meriwayatkan daripada Ibnu al-Hanẓaliyah, beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesungguhnya orang yang mengeluarkan belanja dalam mengurus kuda di jalan Allah, itu bagaikan orang yang membuka tangannya untuk bersedekah tidak pernah putus."

٩٣. وَأَخْرَجَ الْبُخَارِيُّ وَالنَّسَائِيُّ وَالْحَاكِمُ وَصَحَّحَهُ وَالْبَيْهَقِيُّ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنِ احْتَبَسَ فَرَساً فِي سَبِيْلِ اللهِ إِيْمَاناً بِاللهِ وَتَصْدِيْقَ مَوْعُوْدِ اللهِ كَانَ شَبْعُهُ وَرِيُّهُ وَبَولُهُ حَسَنَاتٍ فِي مِيْزَانِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Imam Bukhari, Nasa'i dan Hakim dan beliau menshahihkannya dan Baihaqi meriwayatkan daripada Sayyidina Abu Hurairah ﷺ daripada Nabi ﷺ Baginda bersabda, "Barang siapa yang menyiapkan kuda di jalan Allah dengan penuh keimanan kepada Allah serta membenarkan janji Allah, maka kenyangnya,

minumnya dan buang air kecilnya kuda tersebut akan menjadi pahala pada timbangannya di hari kiamat."

دعاء الفرس عند السحر

Doa Kuda Pada Waktu Sahur

٩٤. وَأَخْرَجَ أَحْمَدُ وَالنَّسَائِيُّ وَالْحَاكِمُ وَصَحَّحَهُ عَنْ أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا مِن فَرَسٍ عَرَبِيٍّ إِلاَّ يُؤْذَنُ لَهُ عِنْدَ كُلِّ سَحَرٍ بِدَعْوَتَيْنِ يَقُوْلُ اَللَّهُمَّ كَمَا خَوَّلْتَنِي مَنْ خَوَّلْتَنِي مِنْ بَنِي آدَمَ فَاجْعَلْنِي مِنْ أَحَبِّ مَالِهِ وَأَهْلِهِ إِلَيْهِ.

Imam Ahmad, Nasa'i dan Ahmad dan beliau mensahihkannya meriwayatkan daripada Sayyidina Abu Żar ﷺ daripada Nabi ﷺ Baginda bersabda, "Tidaklah ada seekor kuda Arab, melainkan ia akan mendoakan untuk tuannya dengan dua doa pada setiap waktu sahur. Kuda tersebut berdoa, "Ya Allah, sebagaimana Engkau anugerahkan kepadaku seseorang yang Engkau anugerahkan kepadaku daripada bani Adam, maka jadikanlah aku termasuk harta dan keluarganya yang paling dia cintai."

تسمية أنثى الخيل فرسا

Menamakan Kuda Betina Sebagai Faras

٩٥. وَأَخْرَجَ أَبُوْ دَاوُدَ وَالْحَاكِمُ وَصَحَّحَهُ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُسَمِّي الْأُنْثَى مِنَ الْخَيْلِ فَرَساً. (٤ : ٤٨١)

Imam Abu Daud dan Hakim dan beliau mensahihkannya meriwayatkan daripada Sayyidina Abu Hurairah ﷺ

bahawasanya Rasulullah ﷺ menamai kuda betinanya dengan sebutan Faras.

فضل إطراق الخيل على إناثها [٢٣] في سبيل الله

Kelebihan Mengawankan Kuda di Jalan Allah

٩٦. وَأَخْرَجَ الطَّبَرَانِيُّ (فِي الكبير: ٢٢: ٣٤١، رقم: ٨٥٣) عَنْ أَبِي كَبْشَةَ الْأَنْمَارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ: مَنْ أَطْرَقَ مُسْلِماً فرساً فَأَعْقَبَ لَهُ الْفَرَس كَتَبَ اللهُ لَهُ أَجْرَ سَبْعِيْنَ فَرَساً يُحْمَلُ عَلَيْهَا فِي سَبِيْلِ اللهِ وَإِنْ لَمْ تُعَقِّبْ لَهُ كَانَ لَهُ كَأَجْرِ فَرَسٍ يُحْمَلُ عَلَيْهِ فِي سَبِيْلِ اللهِ. [٢٤]

Imam Ṭabarani meriwayatkan daripada Sayyidina Abu Kabsyah al-Anmari ﷺ beliau berkata, "Aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "Barang siapa yang mengawankan kuda untuk seorang muslim, lalu kuda tersebut mengawan, maka Allah tuliskan baginya pahala menginfakkan 70 kuda di jalan Allah, jika kuda tersebut tidak mengawan maka baginya seperti pahala menginfakkan seekor kuda di jalan Allah."

---

[٢٣] أطرقه فرسه : أعاره إياه ليلقح ما عنده من إناث الخيل . هامش صحيح ابن حبان (١٩: ٣٦٨)

[٢٤] أخرجه أحمد (٤: ٢٣١، رقم: ١٨٠٦١)، وابن حبان (١٠: ٥٣٣، رقم: ٤٦٧٩)، والطبراني (٢٢: ٣٤١، رقم: ٨٥٣) . قال الهيثمى (٥: ٢٦٦) : رواه الطبرانى فى روايتين ورجالهما ثقات. جامع الأحاديث (١٩: ٤٨٨، رقم: ٢١٢٩٩). وفي رواية لابن أبي عاصم في الآحاد والمثاني (٧: ١٥٢، رقم: ٢٢٢٢) عن أبي كبشة الأنماري رضي الله عنه أنه أتى رجلا فقال أطرقني من فرسك فإني سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول **من أطرق مسلما فرسا فعقت له الفرس كان له كأجر سبعين فرسا حمل عليها في سبيل الله تعالى فإن لم تعق كان له كأجر فرس حمل عليها في سبيل الله تعالى.**

٩٧. وَأَخْرَجَ الطَّبَرَانِيُّ عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ مَا تَعَاطَى النَّاسُ بَيْنَهُمْ شَيْئاً قَطُّ أَفْضَلَ مِنَ الطَّرْقِ يَطْرُقُ الرَّجُلُ فَرَسَهُ فَيَجْرِي لَهُ أَجْرُهُ، وَيَطْرُقُ الرَّجُلُ فَحْلَهُ فَيَجْرِي لَهُ أَجْرُهُ، ويطرق الرَّجُلُ كَبْشَهُ فَيَجْرِي لَهُ أَجْرُهُ.

Imam Ṭabarani meriwayatkan daripada Sayyidina Ibnu Umar ﵄ beliau berkata, "Tiada pemberian yang lebih utama daripada meminjamkan haiwan jantan pada orang lain agar mengawani haiwan betina, seseorang yang meminjamkan kuda jantannya maka mengalir baginya pahala, seseorang yang meminjamkan unta jantannya, maka mengalir baginya pahala dan seseorang yang meminjamkan kambing jantannya, maka mengalir baginya pahala."

٩٨. وَأَخْرَجَ أَبُو عُبَيْدَةَ فِي كِتَابِ الْخَيْلِ عَنْ مُعَاوِيَةَ بْنِ خُدَيْجٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ . أَنَّهُ لَمَّا افْتُتِحَتْ مِصْرُ كَانَ لِكُلِّ قَوْمٍ مَرَاغَةٌ[٢٥] يَمْرُغُونَ فِيهَا خُيُولَهُمْ، فَمَرَّ مُعَاوِيَةُ بِأَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ وَهُوَ يَمْرُغُ فَرَساً لَهُ، فَسَلَّمَ عَلَيْهِ وَوَقَفَ ثُمَّ قَالَ يَا أَبَا ذَرٍّ مَا هَذَا الْفَرَسُ؟ قَالَ فَرَسٌ لِي لاَ أَرَاهُ إِلاَّ مُسْتَجَاباً. قَالَ وَهَلْ تَدْعُو الْخَيْلُ وَتُجَابُ؟ قَالَ نَعَمْ لَيْسَ مِنْ لَيْلَةٍ إِلاَّ وَالْفَرَسُ يَدْعُو فِيهَا رَبَّهُ فَيَقُولُ رَبِّ إِنَّكَ سَخَّرْتَنِي لِابْنِ آدَمَ وَجَعَلْتَ رِزْقِي فِي يَدِهِ اَللَّهُمَّ

[٢٥] تمرّغ في التراب تمرُّغا، إذا تقلّب فيه، وكذلك تمرّغ الفرسُ والحمارُ تمرُّغاً؛ وموضع تَمَرُّغِه: المَراغة. جمهرة اللغة (١: ٤٣٢)

فَاجْعَلْنِي أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ أَهْلِهِ وَوَلَدِهِ فَمِنْهَا الْمُسْتَجَابُ وَمِنْهَا غَيْرُ الْمُسْتَجَابِ وَلاَ أَرَى فَرَسِي هَذَا إِلاَّ مُسْتَجَاباً.

Abu ʿUbaidah meriwayatkan daripada Sayyidina Muawiyyah bin Khudaij ﷺ dalam kitab ʻal-Khailʼ bahawasanya tatkala Mesir ditakluk, setiap kaum memiliki tanah (tempat haiwan berkubang) untuk menggembala kuda mereka, maka suatu ketika Sayyidina Muawiyyah ﷺ melewati Sayyidina Abu Żar ﷺ yang tengah memberi makan kudanya, beliau pun memberi salam kepada Abu Żar ﷺ, lalu berkata, "Wahai Abu Żar, ada apa dengan kuda itu?" Abu Żar ﷺ menjawab, "Ini ialah kudaku dan menurutku kuda ini doanya mustajab." Sayyidina Muawiyyah ﷺ berkata, "Adakah seekor kuda itu dapat berdoa dan doanya dikabulkan?" Sayyidina Abu Żar ﷺ menjawab, "Ya, setiap malam kuda akan berdoa kepada Tuhannya, ia berkata, "Ya Tuhanku, sesungguhnya Engkau telah tundukkan aku kepada bani Adam dan Kau jadikan rezekiku berada di tangannya, Ya Allah, jadikanlah aku harta yang paling dicintainya lebih daripada keluarga dan anaknya." Antara doa kuda itu ada yang dikabulkan dan ada pula yang tidak dikabulkan, dan menurutku kudaku ini adalah kuda yang dikabulkan doanya."

٩٩. وَأَخْرَجَ أَبُو عُبَيْدَةَ عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ أَصَابَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَساً مِنْ جَدَسٍ حَيٍ مِنَ الْيَمَنِ فَأَعْطَاهُ رَجُلاً مِنَ الأَنْصَارِ وَقَالَ إِذَا نَزَلْتَ فَأَنْزِلْ قَرِيْباً مِنِّي فَإِنِّي أَسَارَ إِلَى صَهِيلِهِ فَفَقَدَهُ لَيْلَةً فَسَأَلَ عَنْهُ فَقَالَ يَا رَسُوْلَ اللهِ إِنَّا خَصَيْنَاهُ. فَقَالَ

مَثَّلْتَ بِهِ يَقُوْلُهَا ثَلاَثاً، اَلْخَيْلُ مَعْقُوْدٌ فِي نَوَاصِيْهَا الْخَيْرُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ، أَعْرَافُهَا اَدْفَاؤُهَا وَأَذْنَابُهَا مَذَابُهَا اِلْتَمِسُوا نَسْلَهَا وَبَاهُوا بِصَهِيْلِهَا الْمُشْرِكِيْنَ.

Diriwayatkan oleh Abu ʻUbaidah daripada ʻAbdullah bin ʻAmr bin ʻAaṣ ﷺ beliau berkata, "Rasulullah ﷺ mendapat seekor kuda daripada Jadas satu kabilah dari Yaman, maka Baginda ﷺ berikan kepada seorang lelaki Anṣar dan berkata, "Bila kamu datang maka singgahlah dekat kepadaku, kerana aku suka (mendengar) ringkikannya." Pada satu malam Baginda ﷺ tidak mendapati kuda itu, maka Baginda ﷺ bertanyakan tentang kuda itu, lelaki itu menjawab, "Ya Rasulullah, kami telah mengembirinya." Maka Baginda ﷺ bersabda, "Kamu telah mencacatkannya - Baginda ﷺ mengatakannya tiga kali - kuda itu diikat pada ubun-ubunnya kebaikan hingga hari kiamat, bulu lehernya sebagai penghangat dan ekornya pengusir lalat yang hingap di tubuhnya, cari keturunannya dan berbanggalah dengan ringkikannya terhadap orang-orang musyrik."

نهيه صلى الله عليه وسلم عن جز أذناب الخيل

Larangan Nabi ﷺ Daripada Memotong Ekor Kuda

١٠٠. وَأَخْرَجَ أَبُوْ عُبَيْدَةَ عَنْ مَكْحُوْلٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ نَهَى رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ جَزِّ أَذْنَابِ الْخَيْلِ وَأَعْرَافِهَا وَنَوَاصِيْهَا وَقَالَ أَمَّا أَذْنَابُهَا فَمَذَابُهَا، وَأَمَّا أَعْرَافُهَا فَدِفَاؤُهَا، وَأَمَّا نَوَاصِيْهَا فَفِيْهَا الْخَيْرُ.

Diriwayatkan oleh Abu ʻUbaidah daripada Makhul ﷺ beliau berkata, "Rasulullah ﷺ melarang memotong ekor kuda, bulu

lehernya dan bulu ubun-ubunnya, dan Baginda bersabda, "Adapun ekornya maka itu pengusir lalat yang hinggap di tubuhnya, adapun bulu lehernya maka sebagai penghangat tubuhnya, dan adapun ubun-ubunnya maka padanya terdapat kebaikan."

١٠١. وَأَخْرَجَ أَبُوْ نُعَيْمٍ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لاَ تَلْهَبُوْا أَذْنَابَ الْخَيْلِ، وَلاَ تَجُزُّوا أَعْرَافَهَا وَنَوَاصِيْهَا فَإِنَّ الْبَرَكَةَ فِي نَوَاصِيْهَا، وَدِفَاؤُهَا فِي أَعْرَافِهَا، وَأَذْنَابُهَا مَذَابُّهَا.

Diriwayatkan oleh Abu Nu'aim daripada Sayyidina Anas bin Malik ﷺ daripada Rasulullah ﷺ Baginda bersabda, "Jangan kamu potong ekor kuda, bulu lehernya dan bulu ubun-ubunnya, kerana sesungguhnya keberkahan terdapat pada ubun-ubunnya, penghangatnya pada bulu lehernya dan ekornya sebagai pengusir lalat yang hinggap di tubuhnya."

١٠٢. وَأَخْرَجَ أَبُوْ دَاوُدَ عَنْ عُتْبَةَ بْنِ عَبْدِ اللهِ السُّلَمِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ لاَ تَقُصُّوْا نَوَاصِيَ الْخَيْلِ وَلاَ مَعَارِفَهَا وَلاَ أَذْنَابَهَا، فَأَمَّا أَذْنَابُهَا مَذَابُّهَا، وَمَعَارِفُهَا ادْفَاؤُهَا، وَنَوَاصِيْهَا مَعْقُوْدٌ فِيْهَا الْخَيْرُ.

Diriwayatkan oleh Abu Daud daripada 'Utbah bin Abdullah As-Sulami, bahawa beliau pernah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "Jangan kamu potong bulu ubun-ubun kuda, bulu lehernya dan ekornya, maka adapun ekornya itu sebagai

pengusir lalat yang hinggap di tubuhnya, bulu lehernya sebagai penghangatnya dan kebaikan terikat pada ubun-ubunnya."

عتاب جبريل النبي صلى الله عليه وسلم في الخيل

Teguran Jibril ﷺ Kepada Nabi ﷺ Berkenaan Kuda

١٠٣. وَأَخْرَجَ ابْنُ سَعْدٍ عَنْ أَبِي وَاقِدٍ أَنَّهُ بَلَغَهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَامَ إِلَى فَرَسِهِ فَمَسَحَ وَجْهَهُ بِكُمِّ قَمِيْصِهِ فَقَالُوْا يَا رَسُوْلَ اللهِ أَبِقَمِيْصِكَ؟ قَالَ إِنَّ جِبْرِيلَ عَاتَبَنِي فِي الْخَيْلِ (٤: ٤٨٢)

Diriwayatkan oleh Ibnu Sa'ad daripada Abu Waqid bahawa telah sampai kepadanya bahawa Rasulullah ﷺ berdiri menuju kudanya maka Baginda ﷺ usapkan lengan baju gamisnya ke muka kudanya, maka mereka (para sahabat ؓ) bertanya, "Mengapa harus dengan gamis tuan, ya Rasulullah." Baginda ﷺ menjawab, "Sesungguhnya jibril menegurku mengenai kuda."

١٠٤. وَأَخْرَجَ أَبُوْ عُبَيْدَةَ مِنْ طَرِيقِ يَحْيَى بْنِ سَعِيْدٍ عَنْ شَيْخٍ مِنَ الْأَنْصَارِ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَسَحَ بِطَرْفِ رِدَائِهِ وَجْهَ فَرَسِهِ وَقَالَ إِنِّي عُتِبْتُ اللَّيْلَةَ فِي أَذِلَّةِ الْخَيْلِ.

Diriwayatkan oleh Abu Ubaidah daripada jalur Yahya bin Sa'id daripada seorang Syaikh daripada Anṣar bahawa Rasulullah ﷺ menyapukan hujung selendangnya ke muka kudanya dan bersabda, "Malam tadi aku ditegur kerana meremehkan kuda."

١٠٥. وَأَخْرَجَ أَبُوْ عُبَيْدَةَ عَنْ عَبْدِاللهِ بْنِ دِيْنَارٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ مَسَحَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَجْهَ فَرَسِهِ بِثَوْبِهِ، وَقَالَ إِنَّ جِبْرِيْلَ بَاتَ اللَّيْلَةَ يُعَاتِبُنِي فِي أَذِلَّةِ الْخَيْلِ.

Diriwayatkan oleh Abu Ubaidah daripada Abdullah bin Dinar, beliau berkata, Rasulullah ﷺ menyapu muka kudanya dengan baju Baginda dan bersabda, "Sesungguhnya Jibril ؑ telah menegurku berkenaan dengan meremehkan kuda."

قيادة الخيل بنواصيها

(Larangan) Menuntun Kuda Pada Ubun-ubunnya

١٠٦. وَأَخْرَجَ أَبُوْ دَاوُدَ فِي الْمَرَاسِيْلِ عَنْ الْوَضِيْنِ بْنِ عَطَاءٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لاَ تَقُوْدُواْ الْخَيْلَ بِنَوَاصِيْهَا فَتُذِلُّوْهَا.

Diriwayatkan oleh Abu Daud dalam kitab 'al-Maraṣiḷ' daripada Waḍịn bin 'Aṭo beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Jangan kamu menunutun kuda di ubun-ubunnya, kerana itu - bererti - kamu menghinanya."

إكرام الخيل

Memuliakan Kuda

١٠٧. وَأَخْرَجَ أَبُوْ دَاوُدَ فِي الْمَرَاسِيْلِ عَنْ مَكْحُوْلٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكْرِمُوا الْخَيْلَ وَجَلِّلُوْهَا.

Diriwayatkan olch Abu Daud dalam kitab 'al-Maraṣil' daripada Makhul beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Muliakanlah kuda dan agungkanlah dia."

كفارة ضرب الفرس
Kaffarah Memukul Kuda

١٠٨. وَأَخْرَجَ الْحَسَنُ بْنُ عَرَفَةَ عَنْ مُجَاهِدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ أَبْصَرَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنْسَاناً ضَرَبَ وَجْهَ فَرَسِهِ وَلَعَنَهُ فَقَالَ هَذِهِ مَعَ تِلْكَ إِلاَّ أَنْ تُقَاتِلَ عَلَيْهِ فِي سَبِيْلِ اللهِ، فَجَعَلَ الرَّجُلُ يُقَاتِلَ عَلَيْهِ وَيَحْمِلُ إِلَى أَنْ كَبُرَ وَضَعُفَ وَجَعَلَ يَقُوْلُ اِشْهَدُوْا اِشْهَدُوْا.

Diriwayatkan oleh Hasan bin Arafah daripada Mujahid, beliau berkata, Rasulullah ﷺ melihat seseorang memukul muka kuda miliknya serta dia melaknatnya, maka Baginda ﷺ bersabda, "(Laknat) ini akan menyertainya (kuda), kecuali jika engkau menggunakannya untuk berperang di jalan Allah." Maka lelaki tersebutpun berperang dengannya dan menyerang hingga ia tua dan lemah, dan dia selalu berkata, "Saksikanlah, saksikanlah."

جناية الفرس
Jenayah Terhadap Kuda

١٠٩. وَأَخْرَجَ أَبُوْ نَصْرٍ يُوْسُفُ بْنُ عُمَرَ الْقَاضِي فِي سُنَنِهِ عَنْ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَضَى فِي عَيْنِ الْفَرَسِ رُبُعَ ثَمَنِهِ.

Diriwayatkan olch Imam Abu Naṣir Yusuf bin 'Umar al-Qaḍi dalam kitab sunannya daripada Sayyidina Zaid bin Śabit ﷺ bahawasanya Rasulullah ﷺ memutuskan bahwa denda daripada mencederai mata kuda ialah seperempat daripada harga kuda."

نزول الملائكة لأجل دواب الغزاة

Turunnya Malaikat Untuk Menjaga Haiwan Yang Digunakan Untuk Berperang

١١٠. وَأَخْرَجَ مُحَمَّدُ بْنُ يَعْقُوْبَ الْخَلِيِّ فِي كِتَابِ الْفُرُوْسِيَّةِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ مَا مِنْ لَيْلَةٍ إِلاَّ يَنْزِلُ مَلَكٌ مِنَ السَّمَاءِ يَحْبِسُ عَنْ دَوَابِّ الْغُزَاةِ الْكِلاَلَ، إِلاَّ دَابَّةٌ فِي عُنُقِهَا جَرَسٌ.

Diriwayatkan oleh Imam Muhammad bin Ya'qub al-Khaliyyi dalam kitab 'al-Furusiyyah' daripada Abu Hurairah ا beliau berkata, Tiap malam malaikat turun dari langit untuk menjaga hewan-hewan yang digunakan untuk berperang di jalan Allah, kecuali hewan yang diikatkan lonceng di lehernya.

ما يستحب من الخيول

Perkara-perkara Yang Disukai Pada Kuda

١١١. وَأَخْرَجَ ابْنُ سَعْدٍ وَأَبُوْ دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ عَنْ أَبِي وَهْبٍ الْجُشَمِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اِرْتَبِطُوْا الْخَيْلَ وَامْسَحُوا

بِنَوَاصِيهَا وَأَكْنَافِهَا وَقَلِّدُوهَا وَلاَ تُقَلِّدُوهَا الْأَوْتَارَ، وَعَلَيْكُمْ بِكُلِّ كُمَيْتٍ أَغَرَّ مُحَجَّلٍ، أَوْ أَشْقَرَ أَغَرَّ مُحَجَّلٍ، أَوْ أَدْهَمَ أَغَرَّ مُحَجَّلٍ.[٢٦]

Diriwayatkan oleh Imam Ibnu Sa'ad, Abu Daud dan Nasa'i daripada Abu Wahab al-Jusyamiyyi ﷺ beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Ikatlah kudamu, dan usaplah di ubun-ubun dan punggungnya, kemudian ikatlah di bahagian lehernya, namun janganlah engkau mengikatnya dengan cara yang keras dan hendaklah kalian memilih kuda yang berwarna merah kehitam-hitaman, yang wajah dan kakinya berwarna putih, atau berwarna perang (merah kekuning-kuningan) yang wajah dan kakinya berwarna putih atau berwarna hitam yang wajah dan kakinya berwarna putih."

١١٢. وَأَخْرَجَ أَبُوْ دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَحَسَّنَهُ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ يُمْنُ الْخَيْلِ فِي شَقْرِهَا.[٢٧]

---

(٢٦) أخرجه أحمد (٤: ٣٤٥، رقم: ١٩٠٥٤) ، والبخارى فى الأدب المفرد (ص ٢٨٤، رقم: ٨١٤) ، وأبو داود (٤: ٢٨٧، رقم ٤٩٥٠) ، والنسائى فى الكبرى (٣: ٣٧، رقم: ٤٤٠٦) ، والطبرانى (٢٢: ٣٨٠، رقم: ٩٤٩) ، والبيهقى (٩: ٣٠٦، رقم: ١٩٠٩٠) .
ومن غريب الحديث : "**قلدوها**" : أى قلدوها طلب أعداء الدين والدفاع عن المسلمين . "**ولا تقلدوها**" : أى لا تقلدوها طلب أوتار الجاهلية أى ثأراتهم ودمائهم التى كانت بينهم . "**الكميت**" : الذى فى لونه الحمرة والسواد . "**الأغر**" : الأبيض الوجه . "**المحجل**" : الذى فى قوائمه بياض . "**الأدهم**" : الأسود . جامع الأحاديث ١١: ٢٦٨ (١٠٧٥٠). وفي هامش مصنف ابن أبي شيبة (٧: ٥٧٣) الكميت مصغر أكمت ولم يلفظوا مكبره وغلب على صاحب هذا اللون من الخيل فجرى مجرى الاسماء ج كمتاء وكماتي وهي الخيل التي يميل لونها الاحمر إلى السواد وقالوا يفرق بين الكميت والاشقر الذنب والعرف فإن كانا أسودين فهو كميت .

(٢٧) أخرجه أحمد (١: ٢٧٢، رقم: ٢٤٥٤)، وأبو داود (٣: ٢٢، رقم: ٢٥٤٥)، والترمذى (٤: ٢٠٣، رقم: ١٦٩٥) وقال حسن غريب . والبيهقى (٦: ٣٣٠، رقم: ١٢٦٧٨). وأخرجه أيضًا الطبرانى (١٠: ٢٨٦، رقم: ١٠٦٧٦)، والقضاعى (١: ١٥٩، رقم: ٢٢٤) ، والخطيب (١١: ١٤٧) جامع الأحاديث ٢٤: ٢٤٨ (١١٧٢٦: ٢٧٠٨٣). وفي رواية للطبرانى عن ابن عباس **يمن الخيل فى شقرها وأيمنها ناصية ما كان منها أغر محجل مطلق اليد اليمنى** أخرجه الطبرانى (١٠: ٢٨٦، رقم:

Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dan Tirmizi dan beliau menghasankannya - daripada Sayyidina Ibnu Abbas ﷺ daripada Rasulullah ﷺ, Baginda bersabda, "Keberkahan seekor kuda terletak pada warna perangnya (merah kekuning-kuningan)."

١١٣. وَأَخْرَجَ الْوَاقِدِيُّ عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْرُ الْخَيْلِ الشُّقْرُ، وَإِلاَّ فَالْأَدْهَمُ أَغَرُّ مُحَجَّلٍ ثَلَاثٍ طَلِيْقُ الْيُمْنَى.(٢٨) (١: ١٠٤٠)

Diriwayatkan oleh Imam al-Waqidi daripada 'Abdullah bin 'Amr bin 'Aaṣ ﷺ beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Sebaik-baik kuda ialah yang berwarna perang, dan jikalau tidak ada, maka kuda yang berwarna hitam yang wajah dan kakinya berwarna putih kecuali kaki kanan hadapan."

١١٤. وَأَخْرَجَ أَبُوْ عُبَيْدَةَ عَنِ الشَّعْبِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فِي حَدِيْثٍ رَفَعَهُ أَنَّهُ قَالَ إِلْتَمِسُوْا الْحَوَائِجَ عَلَى الْفَرَسِ الْكُمَيْتِ(٢٩) الْأَرْثَمِ الْمُحَجَّلِ الثَّلَاثِ الْمُطْلَقِ الْيَدِ الْيُمْنَى.

Diriwayatkan oleh Abu Ubaidah daripada Sya'bi pada hadis yang ia merafa'kannya, beliau berkata, "Carilah keberkahan

---

١٠٦٧٧) قال الهيثمي (٥: ٢٦٢) فيه فرج بن يحيى وهو ضعيف. جامع الأحاديث ٢٤: ٢٤٩، (١١٧٢٧: ٢٧٠٨٤).

(٢٨) وأخرج الواقدي في مغازيه (١: ١٠٤٠) عَنْ عِكْرِمَةَ، قَالَ خَرَجَتْ الْخَيْلُ فِي كُلِّ وَجْهٍ يَطْلُبُوْنَ السَّاعَةَ وَكَانَ أَوَّلَ مَنْ طَلَعَ بِهِ وَيُخْبِرُهِ صَاحِبُ فَرَسٍ أَشْقَرَ ثُمَّ الثَّانِي أَشْقَرُ ثُمَّ الثَّالِثُ أَشْقَرُ فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ **اللَّهُمَّ بَارِكْ فِي الشُّقْرِ**.

(٢٩) **الكميت**: الذى فى لونه الحمرة والسواد. **الأغر**: الأبيض الوجه. **المحجل**: الذى فى قوائمه بياض. **الأدهم**: الأسود. الجامع الكبير للسيوطي (١: ١٠٩٢٥).

agar tertunai hajat-hajat kalian dengan membeli kuda berwarna perang yang hitam pada bahagian hidung dan rambut lehernya, putih seluruh kakinya, kecuali kaki kanan hadapan."

١١٥. وَأَخْرَجَ الْحَسَنُ بْنُ عَرَفَةَ عَنْ مُوْسَى بْنِ عَلِيِّ بْنِ رَبَاحِ اللَّخْمِيِّ عَنْ أَبِيْهِ قَالَ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ إِنِّي أُرِيْدُ أَنْ أَبْتَاعَ فَرَساً فَقَالَ لَهُ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْكَ بِهِ كُمَيْتاً وَأَدْهَمَ أَقْرَاحَ أَرْثَمَ مُحَجَّلَ ثَلَاثٍ طَلِيْقَ الْيُمْنَى. (٤: ٤٨٣)

Diriwayatkan oleh Hasan bin ʻArafah daripada Musa bin Ali bin Rabah al-Lakhami daripada ayahnya ﷺ beliau berkata, "Pernah ada seorang lelaki yang menghadap kepada Rasulullah ﷺ, kemudian beliau berkata, "Sesungguhnya saya ingin membeli kuda." Maka Rasulullah ﷺ bersabda kepadanya, "Hendaklah kamu membeli kuda yang berwarna merah kehitam-hitaman ataupun berwarna hitam dan putih pada bagian dahi, ujung hidung dan kakinya."

١١٦. وَأَخْرَجَ أَبُو عُبَيْدَةَ وَابْنُ أَبِي شَيْبَةَ عَنْ عَطَاءٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ خَيْرَ الْخَيْلِ الْحُوُّ.[٣٠]

Diriwayatkan oleh Abu ʻUbaidah dan Ibnu Abi Syaibah daripada ʻAṭo ﷺ beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda,

[٣٠] أخرجه ابن أبي شيبة (٦: ٤٢٢، رقم: ٣٢٥٧١) عن عطاء مرسلاً. جامع الأحاديث ١٢: ٣٤٤ (١٢٠٤٨). **الحو**: الذي يميل لونه إلى الحوة والحوة قيل سواد يميل إلى الخضرة وقيل حمرة تميل إلى السواد، وهو على كل حال لون يخالطه الكمتة مثل صدأ الحديد. وجاء في الشفاء أن الحوة هي السمرة. والاحوى من الخيل الذي يعلوه السواد وظهره أحمر كميت. هامش مصنف ابن أبي شيبة (٧: ٥٧٣).

"Sesungguhnya sebaik-baik kuda adalah yang berwarna merah kehitam-hitaman."

١١٧. وَأَخْرَجَ ابْنُ عَرَفَةَ عَنْ نَافِعِ بْنِ جُبَيْرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اَلْيُمْنُ فِي الْخَيْلِ فِي كُلِّ اَحْوَى اَحَمَّ.

Diriwayatkan oleh Ibnu Arafah daripada Nafi' bin Jubair ﷺ daripada Rasulullah ﷺ, Baginda bersabda, "Keberkahan seekor kuda terletak pada warna merah kehitam-hitaman."

١١٨. وَأَخْرَجَ ابْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَمُسْلِمٌ وَأَبُو دَاوُدَ وَالتُّرْمُذِيُّ وَالنَّسَائِيُّ وَابْنُ مَاجَة عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ كَانَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَكْرَهُ الشِّكَالَ مِنَ الْخَيْلِ.

Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah, Muslim, Abu Daud, Tirmizi, Nasa'i dan Ibnu Majah daripada Sayyidina Abu Hurairah ﷺ beliau berkata, "Rasulullah ﷺ tidak menyukai kuda yang berwarna putih kemerah-merahan."

١١٩. وَأَخْرَجَ أَحْمَدُ وَالتُّرْمُذِيُّ وَصَحَّحَهُ وَابْنُ مَاجَةْ وَالْحَاكِمُ وَصَحَّحَهُ عَنْ أَبِي قَتَادَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ خَيْرُ الْخَيْلِ الأَدْهَمُ الأَقْرَحُ الْمُحَجَّلُ الأَرْثَمُ طَلْقُ الْيَدِ الْيُمْنَى فَإِنْ لَمْ يَكُنْ أَدْهَمَ فَكُمَيْتٌ عَلَى هَذِهِ الشِّيَةِ.[٣١]

[٣١] أخرجه الطيالسى (٨٤، رقم ٦٠٤) ، وأحمد (٥: ٣٠٠، رقم: ٢٢٦١٤)، والترمذى (٤: ٢٠٣، رقم: ١٦٩٦) وقال: حسن غريب صحيح. وابن ماجه (٢: ٩٣٣، رقم: ٢٧٨٩)، وابن حبان (١٠:

Imam Ahmad , Tirmizi dan beliau menṣahihkannya, Ibnu Majah dan al-Hakim dan beliau ia menṣahihkannya, daripada Sayyidina Abu Qatadah bahawasanya Rasulullah ﷺ bersabda, "Sebaik-baik kuda itu adalah yang berwarna hitam, bertompok putih di antara dua matanya, dan putih pada kakinya serta pada bahagian atas bibirnya, kecuali pada kaki kanannya, jika tidak ada yang berwarna hitam, maka kuda yang berwarna perang (merah kehitam-hitaman) yang bersifat sama seperti ini."

١٢٠. وَأَخْرَجَ الطَّبَرَانِيُّ وَالْحَاكِمُ وَصَحَّحَهُ عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَرَدْتَ أَنْ تَغْتَزِيَ فَاشْتَرِ فَرَساً أَدْهَمَ أَغَرَّ مُحَجَّلاً مُطْلَقَ الْيُمْنَى، فَإِنَّكَ تَغْنَمُ وَتَسْلَمُ.[٣٢]

Imam Ṭabarani dan Hakim dan beliau menṣahihkannya - meriwayatkan daripada Sayyidina 'Uqbah bin 'Amir ؓ beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Jika engkau berperang, maka

---

٥٣١، رقم: ٤٦٧٦)، والحاكم (٢: ١٠١، رقم: ٢٤٥٨) وقال غريب صحيح وقد احتج الشيخان بجميع رواته. والبيهقى (٦: ٣٣٠، رقم: ١٢٦٧٤) . وأخرجه أيضًا الديلمى (٢: ١٨١ ، رقم: ٢٩١٤) . ومن غريب الحديث : **الأدهم** أي الأسود . **الأقرح**: ما فى وجهه قرحة وهى بياض بين عينيه مثل الدرهم الصغير. **الأرثم**: من الرَّثْم وهو بياض فى شفة الفرس العليا **المحجل ثلاث**: الذى فى ثلاث من قوائمه بياض. **مطلق اليمين** أو **طلق اليمين** كما في رواية: ليس فيها تحجيل بل خالية من البياض مع وجوده فى بقية القوائم. **فكميت**: لونه بين سواد وحمرة. **على هذه الشية**: أى على هذا اللون والصفة يكون إعداد الخيل. جامع الأحاديث ١٢: ٣٤٣ (١٢٠٤٧). وفي هامش مصنف ابن أبي شيبة (٧: ٥٧٣) : **أقرح**: طويل الغرة وشعر غرته كثيف ناعم. **أرثم** من الرثم وهو بياض في طرف أنف الفرس وكل بياض يصيب الجحفلة العليا من وجه الفرس حتى يبلغ المرسن أي أقصى الفم حيث يوضع الرسن. أو بياض الانف كله. **أدهم** : أسود. **محجلا طلق اليمنى** : محجل القوائم الثلاثة عدا القائمة اليمنى الامامية فهي غير محجلة.

[٣٢] أخرجه الحاكم (٢: ١٠٢، رقم ٢٤٥٩) وقال : صحيح على شرط مسلم. ووافقه الذهبى. والطبرانى (١٧: ٢٩٣، رقم: ٨٠٩) ، قال الهيثمى (٥: ٢٦٢) : فيه عبيد بن الصباح وهو ضعيف . والبيهقى (٦: ٣٣٠، رقم: ١٢٦٧٥) . ومن غريب الحديث : **أغر**: الأغر الذى فى جبهته بياض . **محجلا**: أى قوائمه تبلغ بياضها الثلث أو النصف أو الثلثين ولا تبلغ الركبتين . جامع الأحاديث ٢: ٢٨٥ (١٢٩٦) .

belilah kuda hitam putih pada bagian wajah dan kakinya, kaki kanannya putih, maka sungguh engkau akan mendapatkan ghanimah dan selamat."

حراسة الدار من الجن

Pemeliharaan Rumah Daripada Jin

١٢١. وَأَخْرَجَ سَعْدٌ وَالحَرْثُ بْنُ أَبِي أُسَامَةَ وَأَبُو يَعْلَى وَابْنُ الْمُنْذِرِ وَابْنُ أَبِي حَاتِمٍ وَابْنُ قَانِعٍ فِي مُعْجَمِهِ وَالطَّبَرَانِيُّ وَأَبُو الشَّيْخِ وَابْنُ مَنْدَهْ وَالرَّوْيَانِيُّ فِي مُسْنَدِهِ وَابْنُ مَرْدَوَيْهِ وَابْنُ عَسَاكِرَ عَنْ يَزِيْدَ بْنِ عَبْدِ اللهِ بْنِ عُرَيْبٍ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فِي قَوْلِهِ : وَآخَرِيْنَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللهُ يَعْلَمُهُمْ (الأنفال: ٦٠) قَالَ هُمُ الْجِنُّ وَلاَ يُخَبِّلُ الشَّيْطَانُ إِنْسَاناً فِي دَارِهِ فَرَسٌ عَتِيْقٌ.

Diriwayatkan oleh Imam Sa'ad, al-Hars bin Abu Usamah, Abu Ya'la, Ibnu Munżir, Ibnu Abi Hatim, Ibnu Qani' dalam kitab Mu'jamnya, Ṭabarani, Abu Syaikh, Ibnu Mandah, ar-Rauyani di dalam kitab Musnadnya, Ibnu Mardawaih dan Ibnu 'Asạkir daripada Yazid bin Abdullah bin 'Uraib, daripada ayahnya daripada datuknya daripada Nabi ﷺ Baginda bersabda ketika menafsirkan ayat,

... وَءَاخَرِينَ مِن دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ ٱللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ... ﴿٦٠﴾ سورة الأنفال

"Dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedangkan Allah Mengetahuinya." Baginda bersabda, "Mereka itu adalah jin, dan syaitan tidak dapat

membinasakan seorang manusia yang di dalam rumahnya terdapat kuda."

١٢٢. وَأَخْرَجَ أَبُو الشَّيْخِ عَنْ أَبِي الْهُدَى عَنْ أَبِيهِ عَمَّنْ حَدَّثَهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي قَوْلِهِ {وَآخَرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لاَ تَعْلَمُونَهُمُ اللهُ يَعْلَمُهُمْ} قَالَ: هُمُ الْجِنُّ، فَمَنِ ارْتَبَطَ حِصَاناً مِنَ الْخَيْلِ لَمْ يَتَخَلَّلْ مَنْزِلَهُ شَيْطَانٌ.

Diriwayatkan oleh Abu Syaikh daripada Abu al-Huda daripada ayahnya daripada orang yang meriwayatkan kepadanya daripada Nabi ﷺ, pada firman Allah ﷻ,

... وَءَاخَرِينَ مِن دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ ٱللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ... ﴿٦٠﴾ سورة الأنفال

"Dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya." Baginda ﷺ bersabda, "Mereka itu adalah jin, barang siapa yang mengikat (memelihara) kuda, maka syaitan tidak akan memasuki rumahnya."

١٢٣. وَأَخْرَجَ ابْنُ الْمُنْذِرِ عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ مُوسَى رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فِي قَوْلِهِ وَآخَرِيْنَ مِنْ دُوْنِهِمْ لاَ تَعْلَمُوْنَهُمُ اللهُ يَعْلَمُهُمْ وَلَنْ يُخَبِّلَ الشَّيْطَانُ إِنْسَاناً فِي دَارِهِ فَرَسٌ عَتِيْقٌ.

Diriwayatkan oleh Imam Ibnu Munżir daripada Sulaiman bin Musa, pada firman Allah,

... وَءَاخَرِينَ مِن دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ ٱللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ... ﴿٦٠﴾ سورة الأنفال

"Dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya." "Dan sekali-kali syaitan tidak akan membinasakan seorang manusia yang di rumahnya terdapat kuda."

١٢٤. وَأَخْرَجَ أَبُو الشَّيْخِ وَابْنُ مَرْدَوَيْهِ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا فِي قَوْلِهِ وَآخَرِيْنَ مِنْ دُوْنِهِمْ يَعْنِي الشَّيْطَانَ لاَ يَسْتَطِيْعُ نَاصِيَةَ فَرَسٍ لِأَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اَلْخَيْلُ مَعْقُوْدٌ فِي نَوَاصِيهَا الْخَيْرُ فَلاَ يَسْتَطِيْعُه شَيْطَانٌ أبداً.

Diriwayatkan oleh Abu Syaikh dan Ibnu Mardawaih daripada Ibnu 'Abbas ﷺ pada firman Allah ﷻ,

... وَءَاخَرِينَ مِن دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ ٱللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ... ﴿٦٠﴾ سورة الأنفال

"Dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya." Maksudnya, syaitan tidak dapat membinasakan ubun-ubun kuda, kerana Nabi ﷺ bersabda, "Kuda itu tersemat kebaikan pada ubun-ubunnya, maka selama-lamanya syaitan tidak dapat membinasakan kuda."